KERAJAAN BRUNEI

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

BILANGAN 23 | RABU 8HB JUN, 1983. | رابو 26 شعبان 1403 | PERCUMA

# ...aspada terhadap sistem pelajaran negara lain

... BEGA- ... Amat ... angku ... Pehin ... Wijaya ... Haji ... ngatkan ... hadap ... negara ... itu ... dalam ... dan ... kita ... satu ... yang ... lah ... dan ... jaran ... bagi ... jaran ... profe- ... ketika ... kaan ... bagi ... uruh ... di ... Melayu ... hari ... Amat

Oleh: Muhaimin HM

Berhormat berkata dalam membentuk dasar sistem pelajaran, para pegawai dan guru perlulah memperbincangkan dasar itu secara terperinci oleh semua peringkat profesional dan non-profesional.

Dalam pembentukan dasar, katanya, strategi perancangan, perlaksanaan dan pengawalan perlu diketahui seluasluasnya oleh guru-guru supaya para guru dan pegawai pelajaran tidak samar-samar dan teragak-agak melaksanakan dasar itu.

YAB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz menggesa ibu bapa dan penjaga murid-murid menyedari akan dasar pelajaran dan strategi perancangan perlaksanaan dan pengawalan dengan harapan supaya mereka akan dapat melibatkan diri dan berkerjasama.

Oleh itu katanya, pentadbiran pelajaran sekarang memberi kemudahan dan peluang melalui Majlis Pelajaran, Jawatankuasa Sekolah dan Jawatankuasa Meneliti Masalah-Masalah Pelajaran.

Beliau seterusnya menekankan bahawa dasar-dasar yang baru dibentuk oleh agensi-agensi pelajaran dan pendidikan tidak akan dilayan oleh pihak Kerajaan jika dasar itu belum dibincangkan oleh Majlis Pelajaran atau Jawatankuasa yang berkenaan.

"Guru-guru dan pegawai-pegawai pelajaran yang tidak mengingaukan pelajaran, pendidikan dan proses pendidikan terhadap murid-murid bertanggungjawab ke atas lemah-mundurnya murid-murid tersebut di bidang pelajaran," Yang Amat Berhormat mengingatkan.

Katanya, ini adalah memandangkan kemerdekaan yang akan kita kecap tidak lama lagi ,

Lihat muka 24

## TABIK HORMAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan pertukaran tabik hormat bagi pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dari cara lama kepada cara yang dilakukan oleh kebanyakan angkatan tentera di negara-negara ASEAN.

Pertukaran tabik hormat itu diperkenankan oleh Baginda sempena ulang tahun penubuhan pasukan itu yang ke-22 tahun pada 31hb Mei yang lalu.

Cara tabik hormat yang baru itu ditunjukkan dalam gambar di muka 13.

## ...rkan bendera

...WAN. — Seluruh penduduk dan rakyat ... mengibarkan bendera Brunei atau ... selama tiga hari sempena perayaan ... tahun keputeraan Duli Yang Maha ... Baginda Queen Elizabeth II. Mereka ... bendera tersebut mulai esok, 9hb ...

... yang dikurniakan gelaran mereka adalah ... bendera peribadi masing-masing.



Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah berkenan berangkat ke majlis jamuan yang telah diadakan di Mess Pegawai Berakas Garisen pada malam Rabu lepas, sempena sambutan ulang tahun penubuhan Askar Melayu Diraja Brunei yang ke-22 tahun.

Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah berkesempatan beramah-mesra dengan para tetamu yang hadir termasuk pesuruhjaya-pesuruhjaya asing dari luar negeri yang di tempatkan di negeri ini.

Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan memotong kek ulang tahun sempena ulang tahun Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei (gambar atas). Majlis pada malam itu telah diserikan dengan persembahan-persembahan kebudayaan dari Pusat Kesenian Malaysia.

Turut berangkat ialah Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Bini Pengiran Bendahara Y.M. Dayang Rohaizah, serta Kerabat-Kerabat Diraja yang lain.

Hadir ke majlis tersebut ialah Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman dan Datin, Peguam Negara Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin dan Datin, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dan ketua-ketua jabatan.

# Ketetapan bayaran zakat fitrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Ugama Islam negeri Brunei telah menetapkan kadar bayaran zakat fitrah yang patut dibayar oleh umat Islam di negeri ini bagi tahun Hijrah 1403.

Yang Dipertua MUIB, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain menyatakan bahawa kadar bayaran zakat fitrah bagi seorang Islam ialah $1.87½ orang-orang yang tinggal di Daerah Brunei; $1.90 5/8 bagi kawasan Muara dan Daerah Tutong dan bagi kawasan Seria Belait dan Daerah Temburong ialah sebanyak $1.93¾.

Yang Berhormat berkata, kadar zakat fitrah itu adalah menurut nilaian harga beras 3 kati 12 tahil iaitu kadar timbangan beras yang wajib di fitrahkan.

Yang Dipertua Majlis Ugama Islam itu menyatakan bahawa menurut Mazhab Shafiee, zakat fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan pada sesebuah negeri itu.

"Oleh kerana makanan yang biasa dimakan di negeri ini ialah beras, maka zakat fitrah adalah dikeluarkan beras. Anggaran zakat fitrah menurut timbangan di negeri ini ialah 3 kati 12 tahil bagi tiap-tiap seorang Islam".

Dalam pada itu menurut Mazhab Hanafi bahawa adalah sah mengeluarkan zakat fitrah dengan nilai mata wang.

Oleh kerana harga beras yang biasa dimakan di negeri ini ditetapkan oleh Kerajaan dengan harga $3.00 segantang bagi Daerah Brunei; $3.05 segantang bagi Daerah Tutong dan Muara dan $3.10 segantang bagi Daerah Belait dan Temburong, maka nilaian harga bagi 3 kati 12 tahil di Daerah Brunei ialah $1.87½, Tutong dan Muara $1.90 5/8 dan Belait dan Temburong $1.93¾.

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja menyatakan bahawa tiap-tiap umat Islam di negeri ini membayar zakat fitrah sama ada dengan mengeluarkan beras sebanyak 3 kati 12 tahil atau boleh bertaklid Mazhab Hanafi dengan mengeluarkan nilaian harga beras 3 kati 12 tahil.

Katanya orang Islam adalah diingatkan bahawa zakat fitrah wajib dibayar mulai malam hari

Lihat muka 24

Pelita Brunei
8HB JUN, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SEPANJANG PERHUBUNGAN DENGAN INGGERIS:

# BRUNEI BUKAN NEGERI JAJAHAN

Brunei bukan negeri jajahan. Tetapi mengapa pula ia dikatakan akan merdeka pada 1hb Januari 1984?

Sesungguhnya memang itu telah menimbulkan kemusyiklan. Tetapi setakat yang dikesan menerusi gerakan Penerangan secara interpersonal contact ternyata kemusyiklan itu berbangkit kerana kekeliruan dalam memahamkan perhubungan Brunei dengan Great Britain yang dijalin menerusi perjanjian demi perjanjian dalam tahun 1856, 1888, 1906, 1959 dan 1971. Sepanjang perjanjian yang ada itu terutama perjanjian 1888 di mana Brunei meminta diletakkan di bawah perlindungan Inggeris dan seterusnya diikuti dengan Perjanjian 1906 di mana Brunei bersetuju menerima seorang resident yang akan menjadi wakil Kerajaan British dan menasihati Sultan Brunei dalam semua perkara melainkan perkara-perkara mengenai Ugama Islam. Dari segi kuatkuasa perjanjian sedemikian itu adalah nyata bahawa kedudukan berlindung di bawah naungan Inggeris dan menerima seorang resident Inggeris tidaklah bermakna Brunei menjadi jajahan Inggeris. Kedudukan Sultan Brunei dalam perjanjian-perjanjian tersebut masih kekal berdaulat yakni tidak kehilangan kuasa ke atas negeri dan rakyat Brunei. Dengan demikian status atau taraf Brunei sepanjang perhubungannya dengan Great Britain sebagai sebuah negeri naungan tidaklah berubah menjadi negeri jajahan menurut mana-mana perjanjian.

Perjanjian-perjanjian yang dibuat antara kedua buah Kerajaan itu adalah perkara undang-undang. Sekalipun ia mempunyai implikasi politik tetapi hakikatnya sebagai perkara undang-undang tidaklah berubah dan memberi kuatkuasa yang lain daripada apa yang 'diperjanjikan' iaitu Brunei setakat meminta bernaung dan menerima seorang penasihat Inggeris di mana dalam kedudukan itu kuasa atau kedaulatan sebenar ke atas negeri ini tidak diserahkan kepada Inggeris. Dengan itu taraf atau status sebagai sebuah negeri yang sedia mempunyai kedaulatan yakni mempunyai rajanya yang memerintah maka Brunei tidaklah kehilangan kedaulatannya dalam ertikata kemerdekaannya.

Tetapi memanglah kemerdekaannya itu tidak menepati kehendak norma antarabangsa. Kerana di bawah Perjanjian 1959 hal-ehwal luar negeri Brunei adalah masih terletak sepenuhnya kepada Kerajaan British juga berkuasa penuh ke atas pertahanan negeri ini yang mana hal itu cuma dipinda dengan Perjanjian 1971 yang mempersyaratkan persediaan untuk pertahanan dan keselamatan negeri Brunei hendaklah menjadi tugas yang akan dibeban bersama oleh kedua-dua Kerajaan. Sementara mengenai kuasa memerintah negeri, Perlembagaan 1959 terang-terang mengakui bahawa Sultan adalah pemegang kuasa yang tertinggi memerintah dan Perjanjian 1971 yang meminda Perjanjian 1959 menegaskan lagi bahawa negeri Brunei hendaklah menikmati dengan sepenuhnya Kerajaan sendiri dalam negeri. Dengan kedudukan hal-ehwal luar negeri terus dipertunggungjawabkan kepada Kerajaan British maka perhubungan-perhubungan perjanjian yang istimewa yang ada di antara Great Britain dengan Brunei adalah diakui bertentangan dengan tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka. Oleh itu perhubungan-perhubungan perjanjian demikian itu telah dipersetujui akan ditamatkan mulai dari lima tahun dari 31hb. Disember 1978 yakni menurut perjanjian yang ditandatangani di Bandar Seri Begawan pada 7hb. Januari 1979 Brunei telah bersetuju mengambil alih semula dengan secara penuh tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka, iaitu akan mengambil alih sepenuhnya tugas dan tanggungjawab hal-ehwal luar negeri dalam ertikata perhubungan antarabangsa dan juga tanggungjawab pertahanan.

Dengan meneliti fakta-fakta yang disebutkan itu maka jelaslah bahawa ertikata "kemerdekaan penuh lagi berdaulat" dalam hubungan pencapaian kemerdekaan kita itu adalah benar-benar ... hakikat taraf Brunei sebagai ... yang sedia mempunyai ... bawah Sultan-Sultannya. ... semata-mata berkuasa atas ... atas hal-ehwal negeri ... menepati ertikata 'merdeka ... sepenuhnya menurut norma ... tarabangsa selama mana ... atas hal-ehwal negeri masih ... asing. Jadi apabila tanggung... ehwal luar negeri itu ... sepenuhnya baharulah taraf ... sedia berdaulat itu ... merdeka sepenuhnya menurut ... amalan antarabangsa yang benarnya.

Dengan yang demikian ... dibuat selama ini bahawa ... negeri jajahan adalah pada ... hakikat yang sebenarnya. ... menyedari akan hakikat ... menilai taraf mereka dan ... dalam sepanjang perhubungan ... Britain. Adalah berbeza di antara ... di negeri naungan sebagai ... sebenarnya itu dengan taraf ... jajahan. Jikalaulah kita di Brunei ... anggapan sebagai rakyat dan ... sudah barang tentu kemerdekaan ... dicapai tidak berapa lama lagi ... tuknya dari apa yang sudah ... dalam perjanjian atau tentu ... capaiannya itu dibuat dengan ... seperti menuntut dan mem... Inggeris. Tetapi yang nyata ... menuntut kemerdekaan bagi ... sebab dari segi perjanjian-... ada itu Brunei iaitu Sultannya ... ke atas negeri ini tidak pernah ... kedaulatan.

---

**BERIKUT ialah ucapan Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ... merasmikan Hari Ibu bapa Sekolah-Sekolah Seluruh Negara di Pa... Sekolah Melayu SMJA pada hari Ahad 5hb Jun yang lalu.**

# Hari Ibu Bapa:

# Tekad dan azam memajukan pelajaran

Pada pagi yang meriah ini kita bersama-sama berhimpun bagi mengingati semula Hari Ibu bapa dengan membuat satu tekad dan satu azam untuk memajukan pelajaran dalam apa jua sistem bagi melengkapan anak-anak kita bakal tunjang penggerak dengan pengetahuan dunia dan akhirat supaya para pelajar itu boleh dan dapat berbakti pada nusa, bangsa dan agama pada suatu masa kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan, kita semua menyedari bahawa sistem pelajaran itu adalah berbeza-beza di antara negara dan di antara zaman. Ini adalah disebabkan kehendak-kehendak negara masing-masing berbeza dan berubah; menurut kehendak zaman. Negara kita sebagai sebuah negara beraja dan penuh dengan adat resamnya dan tidak lama lagi insya-Allah berdaulat pada mencapai semula taraf kemerdekaannya juga berbeza. Kita mestilah berwaspada terhadap sistem pelajaran negara lain walaupun pada hakikatnya sistem pelajaran itu dibuktikan berjaya dan berkesan kerana sistem pelajaran itu dapat memenuhi inspirasi dan kehendak negara itu. Kita perlu membentuk satu sistem pelajaran yang tersendiri tetapi sistem itu mesti seiring dengan sistem dan perkembangan pelajaran di luar negeri kerana kita masih lagi bergantung kepada negara-negara luar untuk mendapatkan pelajaran tinggi dan latihan profesional.

Dalam membentuk dasar satu-satu sistem pelajaran itu, pegawai-pegawai dan guru-guru perlulah mengambil ingatan, bahawa sesuatu dasar itu perlu dan seharusnya diperbincangkan dengan seluas-luasnya dan sehalus-halusnya oleh semua peringkat profesional dan non-profesional. Sehaluan dengan pembentukan dasar, strategi perancang perlaksanaan dan pengawalan hendaklah diketahui seluas-luasnya oleh para guru, supaya pegawai-pegawai pelajaran dan guru-guru di sekolah tidak samar-samar dan teragak-agak melaksanakan dasar pelajaran itu. Tidak kurang pentingnya, ialah golongan ibu bapa atau penjaga murid-murid; mereka ini perlulah juga menyedari dasar dan strategi-strategi itu dengan harapan mereka akan dapat melibatkan diri dan berkerjasama sejauh yang dikehendaki dan terupaya. Dengan itu pentadbiran pelajaran sekarang memberi kemudahan dan peluang melalui Majlis Pelajaran, melalui Jawatankuasa Sekolah dan melalui Jawatankuasa Bagi Meneliti Masalah pelajaran.

Majlis Pelajaran mempunyai peranan tertentu dalam sistem pelajaran terutama sekali dalam membentuk dan melaksanakan dasar. Seharusnya Majlis Pelajaran digunakan sebagai arena perbincangan isu-isu dasar dan arena bermuafakat di antara profesional dan non-profesional. Dengan adanya Majlis Pelajaran dan Jawatankuasa Sekolah dapatlah sekarang isu yang bertentangan dan berlainan di sehaluankan dalam suasana dan semangat permuafakat demi kepentingan negara, bangsa dan agama.

Dalam hubungan yang sama, saya menekankan dasar-dasar yang baru di bentuk oleh agensi-agensi pelajaran dan pendidikan tidak sentiasa mendapat layanan Kerajaan jika dasar itu belum dibincangkan oleh Majlis Pelajaran atau jawatankuasa yang berkenaan.

Dalam hakikat yang sama, pihak perancang perlu berkerjasama dari tenaga perlaksana yakni guru dan pegawai-pegawai pelajaran sebab mereka itu adalah penggerak dan ejen pencepat (catalyst) satu-satu proses perubahan. Justeru itu guru-guru dan pegawai-pegawai pelajaran perlulah mempunyai confidence dan commitment terhadap dasar dan Perancangan jabatan itu.

Guru-guru dan pegawai-pegawai yang tidak mengingaukan pelajaran, pendidikan dan proses pendidikan anak-anak akan dipegang bertanggungjawab atas lemah mundurnya anak-anak kita dalam pelajaran kita sendiri. Dalam era baru penuh berdaulat dan merdeka yang akan kita nikmati tidak lama lagi, kita perlu tenaga pengajar yang penuh dedikasi, penuh bersemangat dan bertanggungjawab bersatu padu untuk mencapai dan menyubur cita-cita berdaulat dan merdeka itu.

Ibu bapa dan penjaga juga mempunyai peranan tersendiri dan tertentu dalam sistem pelajaran sekarang. Ibu bapa hendaklah sentiasa mengambil berat dan memperdulikan aktiviti-aktiviti anak-anak mereka sama ada di sekolah ataupun di luar sekolah supaya nanti anak-anak itu tidak terjerumus dengan aktiviti-aktiviti yang tidak direstui oleh masyarakat dan undang-undang, tidak tercebur dalam penyalahgunaan dadah, tidak menjadi sipugut yakni perusak harta benda dan lain-lain aktiviti yang tidak diingini. Peluang dan kemudahan-kemudahan diberi kepada ibu bapa untuk sama-sama memikir dan membina hal-hal pelajaran dan pendidikan anak-anak mereka seperti mengambil peranan aktif dalam Jawatankuasa Sekolah dan aktif dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Melalui Jawatankuasa Sekolah ini, para ibu bapa secara langsung dapat mengketengahkan cadangan-cadangan, atau pemikiran-pemikiran mereka. Tetapi malangnya beberapa buah Jawatankuasa Sekolah tidak hidup atau tidak subur kerana setengah-setengah ibu bapa tidak mengindahkan hal-hal persekolahan anak mereka. Ibu bapa seharusnya berkerjasama dengan guru-guru sekolah bagi menjayakan pelajaran anak-anak mereka. Ibu bapa mestilah menyedari bahawa semakin tinggi dan sempurna tahap pelajaran sesebuah negara itu, semakin tinggi dan berkualitilah prestasi perkembangan ekonomi, perkembangan sosial dan perkembangan politiknya. Dalam pada itu perkembangan itu hanya akan berkesan dan mendatangkan makna dalam keadaan negara yang mempunyai penduduk yang berdisiplin dengan pembawaan yang sempurna.

Sistem pelajaran yang berkualiti dan berkesan bergantung kepada interaksi empat element iaitu dasar, perancangan perlaksanaan dan pengawalan. Jika salah satu elemen dalam sistem itu lemah sama ada dasar atau perancangan ataupun perlaksanaan atau pengawalan setentunya sistem itu akan melahirkan satu keadaan yang kurang sempurna. Akibat kelemahan-kelemahan ini akan memundurkan pelajaran dan pendidikan di negara ini.

Mestilah pula disedari oleh semua pihak yang berkenaan bahawa tugas memajukan negara ini lebih dari apa yang mereka ...
akan ...
anak-anak ...
ini sedang ...
sebabnya ...
pelajaran ...
berkualiti ...
rapat. Sistem ...
makna atau ...
berupaya ...
perubahan ...
yang ...
pada itu ...
tepat ...
perubahan ...
objektif ...
lebih baik ...
secara ...
tidak ...

Di ...
pertanyaan ...
banyak ...
syarat-syarat ...
di Pusat ...
Bawah. ...
penuntut ...
mereka ...
kerana ...
syarat-syarat ...

Perlu ...
kursus-k...
Tingkatan ...
Adalah ...
yang ...
kan ...
Kursus ...
tinggi ...
ijazah ...
wajarlah ...
menentu...
yang ...
sesuai ...
penuntut ...
mencari ...
dimaksud...

Lihat ...

*...objektif penubuhan Majlis Pelajaran Brunei?*

...adalah hasil daripada laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972. ...pelajaran di Brunei belum tentu wujudnya. Kerajaan pada ...kan satu suruhanjaya bagi mengkaji perjalanan pelajaran ...dari Suruhanjaya tersebut kemudiannya dikaji oleh satu ...yang membuat sokongan kepada kerajaan.

...an dengan perkembangan pelajaran yang begitu pesat ...akan kepentingan pelajaran sebagai nadi penggerak bagi ...an kemajuan negara serta pada memberikan pelajaran ...rakyat dan penduduk negeri ini, maka sekali lagi kerajaan ...anjaya Pelajaran Baru pada tahun 1972.

...an meneliti-menyiasat kedudukan pelajaran di negeri ini ...dasar pelajaran kebangsaan yang lengkap dan bersesuaian ...perkembangan dan keperluan negeri ini.

# DIALOG SEMASA

diusahakan/disusun oleh: MANAF HAR
dengan kerjasama
Bahagian Melayu Radio Brunei.

# FOKUS: PERANAN MAJLIS PELAJARAN BRUNEI

## Temuramah Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Said, Pegawai Penyelaras Kanan Majlis Pelajaran Brunei



**Selain dari beberapa dasar yang tersebut di atas ada lapan dasar lagi yang menjadi garis pandu dalam Majlis bagi perkembangan pelajaran di negeri ini.**

langkah-langkah yang selanjutnya yang mungkin diperlukan dari semasa kesemasa.

*DS: Apakah faktor-faktor yang penting maka tertubuhnya Majlis ini?*

AHI: Pelajaran adalah penting bagi pembangunan sesuatu bangsa dan negara dan masalahnya terpikul oleh semua peringkat masyarakat. Kerajaan telah mengamanatkan Majlis Pelajaran sebagai pemegang dasar dan Jabatan Pelajaran pula sebagai pelaksana. Segala perancangan yang dikemukakan kepada Majlis ini akan dihadapkan kepada kerajaan bagi pertimbangan dan kemudian akan dikembalikan semula kepada Jabatan Pelajaran bagi melaksanakan rancangan-rancangan tersebut.

*DS: Apakah di antara dasar-dasar dalam Majlis Pelajaran ini?*

AHI: Selain dari beberapa dasar yang tersebut di atas ada lapan dasar lagi yang menjadi garis pandu dalam Majlis bagi perkembangan pelajaran di negeri ini.

Pertama: Pada menjadikan Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan sesuai dangan kehendak Perlembagaan negara 1959.

Kedua: meninggikan ukuran penggunaan Bahasa Inggeris dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri ini memandangkan bahasa tersebut adalah satu bahasa dunia.

Ketiga: Menitikberatkan Pelajaran Agama Islam sesuai dengan kehendak Perlembagaan — Islam sebagai agama rasmi negara.

Keempat: Menyediakan pelajaran selama sembilan tahun terus-menerus yang sesuai dengan kehendak negara kepada kanak-kanak Brunei iaitu enam tahun di sekolah rendah dan tiga tahun di sekolah menengah bawah.

Kelima: Mempastikan dengan menyediakan ikhtisar mata pelajaran yang isinya serupa dan taraf pelajaran di semua sekolah adalah sebanding.

Keenam: Menjadikan pelajaran menengah dicapai oleh semua orang berdasarkan kepada keadaan dan kebolehan mereka.

Ketujuh: Memberikan semua kanak-kanak di Brunei segala kemungkinan peluang demi menjadikan mereka berguna untuk perkembangan negara bagi memenuhi segala kehendak-kehendak yang diperlukan oleh negara supaya kehendak itu dipenuhi oleh rakyat Brunei sendiri.

Kelapan: Menimbulkan melalui saluran (dasar-dasar) satu identiti kebangsaan sebagai tapak pertumbuhan rasa taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara Brunei.

Semua lapan dasar inilah yang menjadi teras untuk perkembangan dan pembangunan negara Brunei ini

*DS: Apakah melalui lapan dasar ini pencapaian yang boleh dilihat dalam satu jangka masa yang tertentu?*

AHI: Perkara ini dapat dilihat melalui perkembangan dari setahun ke setahun yang di antara pembangunan sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negeri.

Walau bagaimanapun adalah terlalu awal untuk diketahui yang taraf pelajaran di negeri ini sudah meningkat maju dan pada masa ini satu jawatankuasa pengkaji dan penilai sedang membuat pengkajian mengenai dengan masalah-masalah pelajaran yang dihadapi. Sehingga laporan dari jawatankuasa tersebut didapati barulah diketahui setakat mana sudah pencapaian pelajaran di negeri ini.

*DS: Untuk memenuhi peranan dan kehendak Majlis ini apakah langkah-langkah yang telah dibuat?*

AHI: Selama sepuluh tahun telah dibuat rancangan menerusi mesyuarat-mesyuarat pelajaran dan telah dihadapkan kepada kerajaan untuk diperkenankan dan yang telah diluluskan telah pun dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran.

*DS: Adakah peranan Majlis ini dihubungkan dengan pihak tertentu misalnya para guru, penuntut dan ibu bapa?*

AHI: Ini memang penting dan perhubungan itu akan sentiasa dipereratkan dengan semua yang berkaitan. Jika tidak ada hubungan yang erat tentu pencapaian pelajaran yang dihasratkan tidak ditemukan.

*DS: Apakah rancangan Majlis ini bagi perkembangan pelajaran masa akan datang?*

AHI: Sebuah buku telah disediakan oleh Pengerusi Majlis, YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri yang telah diserahkan kepada kerajaan dan telah diperkenankan supaya buku tersebut menjadi garis pandu kepada perkembangan pelajaran akan datang.

Buku ini adalah berguna kepada mereka yang berkenaan di Jabatan Pelajaran, guru dan mereka yang terlibat. Mungkin ianya tidak menyeluruh lengkap tapi penting sebagai garis pandu dan terserahlah kepada mereka untuk membuat rancangan sendiri sebagai tambahan dan menghadapkannya melalui saluran tertentu dan akan dipertimbangkan oleh Majlis Pelajaran sebelum dihadapkan kepada pihak kerajaan.

Semua perancangan tersebut akan dibincangkan dari semasa ke semasa asalkan usul yang dibuat itu menepati dengan kehendak dan hasrat negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan 1972.

*DS: Menyentuh tentang rancangan-rancangan perlaksanaan yang disusun oleh majlis ini, apakah di antara rancangan-rancangan tersebut?*

AHI: Ia meliputi beberapa aspek. Misalnya Pengerusi Majlis bertolak dari dasar ketujuh

Lihat muka 16

**Antara dasar Majlis ini ialah ianya akan mengemukakan perancagan kepada kerajaan sebelum dilaksanakan dari semasa kesemasa. Dalam pada itu Majlis ini juga diberi kuasa untuk mengkaji kemajuan dalam perlaksanaan perancangan itu dan diberi kuasa untuk memanggil atau bertemu mana-mana pegawai pelajaran atau mereka yang berkenaan dengan bidang pelajaran dinegeri ini.**

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS...

# KELEBIHAN PAHALA BERSEMBAHYANG DI MASJIDIL HARAM

## Siri ke-186

Satu sembahyang di Masjidilharam di Mekah diberi seratus ribu (100,000) pahala lebih dari satu sembahyang dalam mana-mana masjid lain dari Masjidilharam, dan satu sembahyang di Masjid Nabi s.a.w. di Medinah Al-Munawwarah, diberi seribu (1,000) pahala lebih dari satu sembahyang di mana-mana masjid yang lain melainkan di Masjidilharam di Mekah bagaimana tersebut dalam Hadis-hadis Nabi s.a.w. (suatu hadis marfu') yang ertinya: "Satu sembahyang dalam masjid Saya ini (di Medinah Al-Munawwarah iaitu masjid yang ada pada zaman Nabi s.a.w. sekadar seratus hasta panjang dan lebar. Sementara ruangan yang selebihnya itu tambahan di atas Masjid Nabi itu), lebih afdhal (lebih utama) dari seribu sembahyang dalam mana-mana masjid, melainkan Masjidilharam di Mekah, dan satu sembahyang dalam Masjidilharam, lebih afdhal dari seratus sembahyang dalam masjid Saya."

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dengan isnad yang sahih, dan erti lebih afdhal dari "Seratus sembahyang dalam masjid Saya", seolah-olah Rasulullah s.a.w. bersabda: "Seratus ribu sembahyang", sebagaimana tersebut di dalam suatu riwayat hadis yang lain. Oleh yang demikian orang yang sembahyang satu sembahyang itu seolah-olah seorang itu sembahyang yang selama dua puluh ribu (20,000) hari, iaitu selama lima puluh lima tahun enam bulan dua puluh hari. Jika sembahyang itu dengan berjemaah maka ditambah dua puluh tujuh kali ganda fadhilatnya. Jumlah tahunnya seribu lima ratus lima puluh lima tahun, dan enam bulan, dua puluh hari, dan jika sembahyang itu dengan bersiwak sebelum memulakan sembahyang itu ditambah tiga puluh lima fadhilat lagi umpamanya.

Kitab Umadatul Abrar Fi Ahkamil Hajji Wal I'timar oleh Imam Al-Wana'i As-Shafie (meninggal pada tahun 1211 H) menyebutkan:

Kelebihan-kelebihan yang disebutkan di atas ini atau yang serupa dengannya, disediakan Allah, diberi Allah dan dikurniakan Allah kepada orang pergi haji, bertaubat dan yang taat, dan menurut perintah Allah di samping menjauhi larangan-Nya. Belanja hartanya itu pula diambil dari harta yang halal dan bersih dari riba, curang atau harta fakir miskin yang tidak dikeluarkannya harta fakir miskin itu sebagai zakat dari hartanya yang dibawa pergi haji, bersih dari tipu daya dan lain-lain lagi sumber-sumber haram, bukan kelebihan-kelebihan itu untuk orang yang tiada bertaubat atau untuk orang-orang yang cuai tiada mengkadakkan sembahyang fardu lalu ia pergi melakukan perkara sunat yang tiada mesti dibuat, sementara meninggalkan perkara yang fardu jelasnya belanja pergi haji itu dari harta riba, harta yang tiada dikeluarkan zakatnya dan harta dari tipu-menipu dan haram.

Daripada Sayidina Ali (Radhiallahu Anhu) katanya: "Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) telah menegah saya membaca Quran ketika saya sedang ruku', sabda Rasulullah, yang ertinya: Orang yang sembahyang itu dapat diumpamakan sebagai peniaga yang tiadalah bersih untungnya sehingga bersih modalnya, begitulah orang yang sembahyang tiada diterima sunat yang dibuatnya, sehingga ia telah menyempurnakan fardu-fardu yang wajib atasnya." Hadis ini



diriwayat... Imam Ab... Isbihani.

Daripa... Mas'ud r.a... ertinya: ... *Rasulullah... tahkan ... bahyang ... zakat yang ... ta kita, ... tiada me... maka ... sembahy... ini diriwaya... Imam At-T...*

Menurut... Imam At-... yang beren... *mendirik... tetapi tiada... zakat, ... orang Isl... dia bole... pahala ... nya tetap... itu tinggal...*

Wallah...

(Bersa...

## Kanak2 perlu didikan moral dan rohani:

# SIKAP IBU BAPA DIKESALI

TEMBURONG. — Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Muhammad kesali setengah ibu bapa di daerah ini biarkan anak-anak tanpa memberikan didikan moral dan rohani.

Berucap sejurus sebelum merasmikan pertandingan syarahan dan quran separuh akhir bertempat di Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di sini beliau menjelaskan, "sungguhpun Temburong belum terdedah kepada kebudayaan barat, telah ada tanda adanya golongan muda-mudi yang suka merosakan harta benda kerajaan."

Katanya, itu adalah akibat kurangnya didikan moral atau rohani kepada kanak-kanak dan kalau dibiarkan ianya akan menjadi satu penyakit yang susah diubati.

Kanak-kanak, istimewa yang di bangku sekolah adalah merupakan asset yang akan menjadi pemimpin negara dan oleh itu para guru perlu mengamalkan sifat-sifat yang baik, berdisiplin serta berbudi pekerti yang baik.

Awang Abdul Aziz memandang betapa perlunya para ibu bapa mengambil berat pendidikan anak-anak di rumah terutama keagamaan, pelajaran, moral, sopan-santun, adab seperti menghormati ibu bapa dan lain-lain yang difikirkan sesuai.

Kanak-kanak suka meniru dan mencuba sesuatu yang dilihatnya tanpa memikirkan kebaikan dan keburukan. Oleh itu katanya sudah sewajarnyalah dari awal-awal mereka itu diberikan pendidikan yang baik dan sempurna lebih-lebih lagi dalam mengasuh mereka supaya mengikut perintah-perintah Allah dan cintakan negara dan tanahair.

Terdahulu daripada itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Awang Haji Md Amin bin PDPD Hj Abd. Rahim, Ketua Pegawai Pelajaran Ugama yang juga Pengerusi majlis.

Pertandingan kali ke-20 itu bertemakan "Didikan Rohani Asas Kesejahteraan."

Pemenang bahagian quran lelaki, pertama Awang Nurin Almas bin Haji Abd. Kadir dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Brunei I; kedua Ak. Salim bin Pg. Haji Amin dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Brunei I dan tempat ketiga Awang Zulhalim bin Haji Rosman dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Daerah Temburong.

Bahagian Quran perempuan dimenangi oleh Dk. Noraini bte Pg. Abd Rahman dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah Brunei IV; diikuti oleh Dayang Hajah Ismawati bte Haji Ismail dari Sekolah Ugama Dato Gandi, Brunei II dan tempat ketiga Dayang Normaya bte Haji Mokhsin dari Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Brunei II.

Bahagian syarahan lelaki, pemenang pertama Mohd. Ali bin Ali Omar dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Brunei I; kedua Awang Abd. Razak bin Sion dari Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Belait dan tempat ketiga Ak. Ilmi bin Pg.



Y.B. Pehin Datu Laila Raja Haji Abu Bakar sedang menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang dalam pertandingan tersebut.





Awang Abd... mad, Pem... Daerah Te...

Haji M... Sekolah U... Anak P... Brunei I.

Pemen... syarahan p... pat pe... Azizah b... Sekolah ... Anak Pu... Hayatul ... IV; kedu... Pg. Sab... Ugama ... Brunei ... ketiga ... Kalsum ... Sekolah ... Tembur...

Hadiah... sampaik... Berhorm... Laila Ra... bin Bab...

# KHUTBAH JUMAAT

# RSATU PUNCA KEKUATAN

jarah umat-umat di dunia ini. Bagaimana mereka maju, mereka mundur, kuat dan lemah, semuanya itu menjadi kajian dan pelajaran untuk dibuat tauladan dan contoh.

Satu-satunya tauladan yang tidak diragukan dan tiada dipertikaikan lagi, yang menjadi punca dan sebab kemajuan dan kekuatan umat itu ialah adanya kerjasama dan persatuan yang kukuh di kalangan umat atau bangsa itu sendiri. Bersatu hati, bersatu suara dan bersatu semangat ke arah yang dihajati. Apa-apa juga yang menjadi idaman dan rancangan-rancangan berkebajikan untuk umum, hendaklah diungkayahkan secara barsatu padu. Terutama kita umat Islam atau orang-orang Islam, persatuan atau kesatuan kita itu hendaklah diikat atau ditentukan oleh dasar-dasar agama, tidak cukup hanya sekadar dengan semangat dan cita-cita semata-mata. Kerana semangat dan cita-cita itu boleh berubah-ubah, tetapi dasar dan tujuan agama adalah kekal dan sentiasa benar.

Cuba perhatikan firman Allah ini di dalam surah Ali-Imran ayat 103, tafsirannya: "Dan berpeganglah kamu sekalian, wahai orang-orang Islam, dengan tali Allah (Agama Allah) dan janganlah kamu berpecah-belah."

Allah tidak menyuruh kita bersatu dengan memegang ideoloji-ideoloji lain, kecuali yang dipandu dan ditunjuk oleh agama Islam. Kerana agama Islam, selain daripada memandu bagaimana hendak menyusun tenaga dan di mana letaknya dasar persatuan itu, ia juga mementingkan hubungan dengan Allah Taala. Ikatan persatuan sesama Islam ditentukan oleh dasar: **Bahawa orang-orang Islam itu ibarat satu tubuh, sakit satu anggota di dalam tubuh tersebut, bermakna anggota-anggota yang lain juga akan turut terasa sakitnya. Dan apabila semua ini tercapai, bermakna itulah kesatuan yang berjaya dan diterima oleh Allah.**

Untuk membuktikan ini, cuba layangkan perhatian kita jauh-jauh sedikit. Adalah dengan sebab umat Islam pada zaman dahulu berpegang dan berjalan di atas dasar-dasar persatuan yang dikehendaki oleh Islam, bersatu suara dan bersatu tenaga, berjuang dan bekerjasama menuntut keredaan Allah dengan tulus ikhlas, maka dengan sebab itu terdirinya kerajaan dan negara yang kuat, yang berjaya mengembangkan kuasa dan ilmu pengetahuan, walaupun pada masa itu umat Islam masih sederhana dari segi jumlah dan kekuatan fizikalnya. Tetapi mereka kuat dengan sebab bersatunya dan teguh iman, tidak mencari-cari 'mood' dalam agama, apatah lagi hendak lari daripada agama, yang memang dipantang oleh Allah, yang boleh dibalas dengan azab dan kehinaan di dunia dan di akhirat.

Oleh itu marilah kita umat Islam di negeri ini sentiasa sedar dan insaf dan mengamalkan dasar-dasar persatuan yang di anjurkan oleh agama Islam, di dalam keluarga, di antara sahabat handai dan mahupun di dalam masyarakat majmuk, dengan mengelakkan perselisihan yang boleh mendatangkan pecah-belah sesama kita. Dalam negara yang akan sentiasa mengalami perubahan demi perubahan dan terdedah kepada pengaruh-pengaruh, maka kesatuan sikap dan semangat adalah diperlukan untuk melindunginya daripada keadaan-keadaan dan kejadian-kejadian yang tidak sejajar dengan kehendak-kehendak kita sendiri, sebagai satu bangsa yang ingin menetap dalam keadaan selamat dan beriman. Mudah-mudahan Allah jua yang memelihara kita buat selama-lamanya.

# apa mesti kan aurat?

menutup aurat yang maksudnya kira-kira, "Wahai anak-anak Adam, telah kami turunkan kepada kamu pakaian-pakaian yang menutup aurat-aurat kamu, juga telah kami jadikan pakaian yang mencantikkan kamu. Akan tetapi ketahuilah bahawa pakaian takwa itu baik dari segala pakaian kebendaan. Tuhan menurunkan pakaian untuk menjadikan tanda kebesaran-Nya, supaya dengan demikian kamu menjadi orang-orang yang memperolehi peringatan."

Dengan keterangan ayat Al-Quran di atas sudah menjadi kenyataan besar kepada semua bahawa Allah telah memberi beberapa kemudahan terhadap umat manusia agar menurut segala perintah-Nya semoga berada di dalam keamanan dan hidup di dalam keharmonian.

Allah telah memberi beberapa perundangan melalui Al-Quran untuk menjadi pegangan manusia di dalam menempuh kehidupan dunia yang serba moden ini.

Manusia ini adalah sebaik-baik kejadian di antara makhluk Tuhan sehingga Allah sendiri telah memuliakan manusia.

"Dan sesungguhnya telah Kami muliakan seluruh anak Adam dan Kami bawakan mereka di darat dan laut, serta kami rezekikan mereka dari segala yang baik bahkan Kami lebihkan mereka atas sebahagian makhluk Kami." (Surah Al-Israk ayat 70)

Kita tidaklah bermaksud untuk menyekat perkembangan fesyen-fesyen pakaian yang bukan dari orang Islam, apa yang penting bagi kita ialah setiap fesyen itu mestilah tidak keluar dari garis-garis ketentuan syarak.

## Bingkisan minggu ini

**Agama Islam sangat-sangat memandang berat aurat lelaki dan perempuan kerana ia juga boleh menimbulkan nafsu jahat, selain dari itu memang tidak manis jika anggota yang menjadi aurat itu dipamerkan pada khalayak ramai.**

**Rasullullah s.a.w. bersabda pada suatu ketika yang bermaksud "Hai Maamur, tutuplah kedua pahamu itu, kerana kedua pahamu itu adalah aurat.".**

Mendedahkan aurat bagi orang lelaki juga boleh menimbulkan ghairah bagi golongan yang bukan sejenisnya dan dari situlah akan menimbulkan perkara-perkara yang tidak baik. Oleh itu Islam memberi amaran terlebih dahulu sebelum sesuatu perkara itu berlaku, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang sangat-sangat mengambil berat tentang aurat agar dijaga selalu, sabda Rasulullah yang bermaksud:

**"Peliharalah auratmu melainkan terhadap isteri-isteri kamu atau hamba yang kamu miliki." Bertanya seorang sahabat: "Ya Rasulullah apabila kami berada sesama kami?" Jawab Rasulullah "Jika kamu sanggup menutupinya, janganlah dilihat auratmu oleh sesiapa pun." Bertanya seorang lagi: "Bagaimana ya Rasulullah apabila kami bersendirian di dalam bilik?" Jawab Baginda "Allah lebih memuliakan dari manusia."**

Oleh itu amatlah mustahaknya kita menyedari dan mengambil berat terhadap perkara-perkara yang boleh mendatangkan kerosakan kepada akhlak dan peribadi kita umat Islam. Kita mestilah menginsafi bahawa setiap perkara yang ditegah oleh agama Allah itu jika ianya kita tentangi atau kita lalui maka maknanya kita menderhaka kepada Allah.

Allah sesungguhnya telah menentukan garis-garis panduan untuk diikuti maka itulah yang paling sesuai bagi kita. Ketentuan yang telah digariskan itu sebenarnya mengandungi berbagai-bagai nikmat untuk kesejahteraan dan kebaikan kita semua. Maka yang demikian. tidak ada sebab perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan itu kita ketepikan sedang yang boleh membawa kerosakan kita ikuti pula.

# Kursus Pimpinan Ugama

KUALA BELAIT. — Seramai 24 orang saudara-saudara baru Islam di daerah ini dijangka akan menghadiri satu kursus pimpinan agama yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Badan Kebajikan Saudara-Saudara Baru daerah itu selama dua hari berturut-turut mulai 10hb Jun ini.

Kursus yang bertujuan untuk meningkatkan lagi pemahaman saudara-saudara baru terhadap ajaran-ajaran Islam itu akan diadakan di Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin di sini dan di jangka akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Kursus itu akan dibahagikan kepada dua bahagian lelaki dan perempuan dan akan di kendalikan oleh beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sepanjang kursus dua hari itu saudara-saudara baru itu akan mengikuti beberapa ceramah dan latihan yang disampaikan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Di samping itu mereka juga akan mengadakan sembahyang-sembahyang berjemaah mengikut waktunya di tempat kursus tersebut.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 8hb Jun, 1983 hingga ke hari Selasa 14hb Jun, 1983 adalah seperti di bawah ini :**

| *Hari Bulan* | *Zuhur* | *Asar* | *Maghrib* | *Isyak* | *Imsak* | *Subuh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.48 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 9hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.48 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 10hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.48 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 11hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 12hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 13hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 14hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei di mulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

## SENARAI NAMA-NAMA AMIL SELURUH NEGERI BRUNEI BAGI TAHUN 1983/1403 BAGI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | **Bandar Seri Begawan "A"**<br>a) Kawasan Bolkiah Kem dan sekitarnya (yang bukan terdiri daripada AMDB dan keluarganya);<br>b) Kawasan Istana Edinburgh;<br>c) Kawasan Jalan Perayaan;<br>d) Kawasan Jalan Merdeka;<br>e) Kawasan Jalan Bahagia;<br>f) Kawasan Jalan Rakis;<br>g) Kawasan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Airport Lama. | Yang Dimuliakan, Pehin Siraja Khatib Dato Setia Awang Haji Mohd Tamin bin Abd Hamid. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 2. | **Bandar Seri Begawan "B"**<br>a) Kawasan Jalan Telapok;<br>b) Kawasan Jalan Melabau;<br>c) Kawasan Jalan Melabau Baru;<br>d) Kawasan Barik Kakitangan Ukur dan sekitarnya;<br>e) Kawasan Jalan Temanggong;<br>f) Kawasan Jalan Tapak Kuda;<br>g) Kawasan Jalan Senuai. | *Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Haji Ahmad bin Abd Razak. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 3. | **Bandar Seri Begawan "C"**<br>a) Kawasan dari simpang Jalan Gadong hingga ke Jambatan Gadong;<br>b) Kawasan (station minyak) dan sekitarnya;<br>c) Kawasan Jalan Kumbang Pasang;<br>d) Kawasan Jalan Ong Sum Ping;<br>e) Kawasan Jalan Jawatan Dalam;<br>f) Kawasan Jalan Mabohai;<br>g) Kawasan Jalan Sekolah. | *Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Haji Zainal bin Kahar. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 4. | **Bandar Seri Begawan "D"**<br>a) Kawasan Jalan Dato Marsal;<br>b) Kawasan Workshop JKR;<br>c) Kawasan Jalan Lintang;<br>d) Kawasan Jalan Simpang Sekolah.<br>e) Kawasan Jalan Tongkadeh;<br>f) Kawasan Jalan Padang;<br>g) Kawasan Jalan Dato Taib. | Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Haji Mohd Yassin bin Awang Damit. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 5. | **Bandar Seri Begawan "E"**<br>a) Kawasan Jalan Dato Isa;<br>b) Kawasan Jalan Tasek;<br>c) Kawasan Jalan Tasek Lama hingga Ang's Hotel;<br>d) Kawasan Madarsah JHEU;<br>e) Kawasan Jalan Stoney;<br>f) Kawasan Jalan Dato Ibrahim;<br>g) Kampong Sultan Lama BSB. | Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Wahid bin Haji Besar. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 6. | **Bandar Seri Begawan "F"**<br>a) Kawasan Kedai-kedai BSB;<br>b) Kawasan Jalan Residency<br>c) Kawasan Barik Hospital;<br>d) Kawasan Pusar Ulak;<br>e) Kawasan Jalan Maharaja Lela;<br>f) Kawasan Batu 1 Jalan Tutong hingga simpang Istana Darul Hana | *Yang Mulia, Mudim Mustapha bin Haji Murad. | Di Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 7. | **Bandar Seri Begawan "G"**<br>a) Kawasan simpang Istana hingga ke Batu 4 Jalan Tutong<br>b) Kampong Telanai;<br>c) Kampong Medewa. | Yang Dimuliakan, Begawan Pehin Khatib Haji Mohd Yusof bin Abd Latif. | Di Rumah Amil |
| 8. | **Bandar Seri Begawan "H"**<br>a) Kawasan Istana Darul Hana dan sekelilingnya;<br>b) Kawasan Kampong Bandong;<br>c) Kawasan Kawalan Polis Diraja (Permanent Escort). | Yang Dimuliakan, Pehin Penyurat Haji Omar bin Matserudin. | Di Surau Istana. |
| 9. | **Bandar Seri Begawan "I"**<br>a) Kawasan Kampong Sumbiling Lama;<br>b) Kawasan Jalan Istana Darussalam BSB. | Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Awang Haji Nusa bin Awang Hitam (Ketua Kampong). | Di Rumah Amil |
| 10. | **Bandar Seri Begawan "J"**<br>Kawasan Kampong Kianggeh dan sekitarnya. | Yang Mulia, Awang Haji Puting bin Pengarah Raman (Ketua Kampong). | Di Rumah Amil |
| 11. | **Bandar Seri Begawan "K"**<br>a) Kawasan Polis Diarja Gadong dan Kawasan Polis Simpanan (Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong)<br>b) Kawasan Polis Diraja (Ibu Pejabat Polis Diraja Daerah Brunei/Muara untuk Pegawai Polis Diraja dan keluarga mereka sahaja). | Yang Mulia, APO 95 Pengiran Haji Ali bin Pengiran Bustamam. | Di Surau Polis Gadong. |
| 12. | **Bandar Seri Begawan "L"**<br>Kawasan Balai Bomba Bandar Seri Begawan, Brunei (khas untuk Pegawai dan kakitangan serta keluarganya). | Yang Mulia, Awang Haji Ahmad bin Mohd Yussof (Pegawai Bomba). | Di Surau Balai Bomba. |

## BAHAGIAN KAWASAN KAMPONG AYER DAERAH BRUNEI-MUARA, BAGI TAHUN 198

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL |
|---|---|---|
| 1. | Kampong Pengiran Bendahara Lama. | Awang Tumar bin Lingga (Kakitangan Pejabat Letrik) |
| 2. | Kampong Pengiran Pemancha Lama. | Pengiran Haji Ibrahim bin Pg Ahmad (Kakitangan JHEU) |
| 3. | Kampong Pengiran Setia Negara. | Pengiran Haji Damit bin Pg Ahmad (Ketua Kampong) |
| 4. | Kampong Bakut Pg Siraja Muda "A" | Pengiran Haji Othman bin Pg Metassan (Ketua Kampong) |
| 5. | Kampong Bakut Pg Siraja Muda "B" | Pengiran Haji Abd Rahman bin Pg Haji Tejuddin (Ketua Kampong) |
| 6. | Kampong Pengiran Kerma Indera Lama. | Pengiran Mahmud bin Pg Maidin (Ketua Kampong) |
| 7. | Kampong Pengiran Tajuddin Hitam | Awang Abd Rahman bin Kalong (Ketua Kampong) |
| 8. | Kampong Bukit Salat | YDM Pehin Bendahari Awang Mat Serudin bin Pehin Tuan Imam Abd Rahman (Ketua Kampong) |
| 9. | Kampong Ujong Bukit | Awang Mohd Noor bin Mohd Yussof (Ketua Kampong) |
| 10. | Kampong Limbongan | Awang Haji Mohd Noor bin Pehin Khatib Abd Razak (Ketua Kampong) |
| 11. | Kampong Sungai Kedayan "A" | Awang Ahmad bin Jeluddin (Ketua Kampong) |
| 12. | Kampong Sungai Kedayan "B" | Awang Rosli bin Haji Abd Aziz (Ketua Kampong) |
| 13. | a) Kampong Ujong Tanjong<br>b) Kampong Kuala Sungai Peminyak | Awang Haji Metali bin Haji Sulaiman (Kakitangan Pejabat J.K.R.) |
| 14. | Kampong Tamoi Tengah | Awang Tengah bin Ag Othman (Ketua Kampong) |
| 15. | Kampong Tamoi Hujong | Awang Mokti bin Md Salleh (Ketua Kampong) |
| 16. | a) Kampong Burong Pinggai Ayer;<br>b) Kampong Singkarap | *Awang Haji Tahir bin Ja'afar (Imam Masjid Burong Pinggai Ayer) |
| 17. | Kampong Lurong Dalam | Awang Haji Abd Rahman bin Haji Bakar (Ketua Kampong) |
| 18. | Kampong Sungai Pandan "A" | Awang Haji Abdullah Sunny bin Haji Bakar (Ketua Kampong) |
| 19. | Kampong Sungai Pandan "B" | Pengiran Sarifuddin bin Pg Ahmad (Ketua Kampong) |
| 20. | Kampong Pandai Besi "A" | Awang Haji Momin bin Besar (Ketua Kampong) |
| 21. | Kampong Pandai Besi "B" | Awang Ismail bin Jaafar (Ketua Kampong) |
| 22. | Kampong Pekan Lama | Pengiran Metassan bin Pg Damit (Ketua Kampong) |
| 23. | Kampong Bakut Berumput | Pengiran Othman bin Pg Damit (Ketua Kampong) |
| 24. | Kampong Lurong Sekuna | *Awang Salleh bin Haji Kayum Kakitangan Pejabat Lembaga Bandaran |
| 25. | Kampong Saba Tengah | Awang Haji Jalil bin Haji Ahmad (Kakitangan JHEU) |
| 26. | Kampong Saba Laut | Awang Haji Masri bin Raub (Ketua Kampong) |
| 27. | Kampong Saba Hujong | Che'gu Haji Abd Hamid bin Haji Perali (Guru Ugama) |
| 28. | Kampong Saba Darat "A" | Awang Haji Metali bin Mat Yassin (Ketua Kampong) |
| 29. | Kampong Saba Darat "B" | Awang Haji Sa'at bin Haji Idris (Ketua Kampong) |
| 30. | Kampong Pekilong Muara | Awang Damit bin Merali (Ketua Kampong) |
| 31. | Kampong Setia Pahlawan Lama | Awang Haji Abd Rahman bin Abdullah (Ketua Kampong) |
| 32. | Kampong Peramu | Awang Haji Awang bin Jambol @ Haji Chuchu (Ketua Kampong) |
| 33. | Kampong Ujong Kelinik. | Awang Mohd Salleh bin Abu Bakar (Ketua Kampong) |
| 34. | Kampong Sungai Kebun. | Awang Haji Ludin bin Gapar (Ketua Kampong) |
| 35. | Kampong Sungai Siemas | Awang Mohammad bin Halim (Ketua Kampong) |
| 36. | Kampong Setia "A" | Awang Haji Abd Hamid bin Metussin (Imam Balai Ibadat Kampong Setia) |
| 37. | Kampong Setia "B" | Awang Haji Malek bin Haji Bakar (Bilal Balai Ibadat Kampong Setia) |

# …AMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

## …AWASAN PENDALAMAN DAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI-MUARA BAGI TAHUN 1983/1403

| … | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|
| … 5 Jalan | Awang Haji Annuar bin Mohd Yusof (Imam Masjid Kampong Bunut | Di Masjid Kg Bunut |
| [illegible] | Pengiran Haji Ahmad bin Pg Md Daud (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| … Lepas; | Awang Haji Chuchu bin Haji Nayan (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| … Bunut | Awang Ghafar bin Abdul Ghani (Imam Masjid Kg Kilanas) dan<br>*Haji Ibrahim bin Ali (Bilal Masjid Kg Kilanas) | Di Masjid Kg Kilanas |
| … "A";<br>… "B";<br>… Mulaut;<br>… Tampoi; | Awang Haji Bahar bin Abd Karim (Imam Masjid Jame' Sengkurong) dan<br>Awang Nayan bin Juma'at (Bilal Masjid Jame' Sengkurong) | Di Masjid Kg Jame' Sengkurong |
| | *Awang Haji Rasit bin Haji Bandul (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| | Pengiran Haji Jamaluddin bin Pg Bahar (Imam Masjid Kampong Jerudong) | Di Masjid Kg Jerudong |
| | Awang Haji Kahan bin Israil (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| … Mahar; | Awang Haji Mohiddin bin Tabib (Imam Masjid Kg Kati Mahar) dan<br>Awang Ghafar bin Haji Mirusin (Pmk. Bilal Masjid Kg Kati Mahar | Di Masjid Kg Kati Mahar |
| … Murai; | Awang Gapar bin Musa (Bilal Masjid Kg Panchor Murai) | Di Masjid Kg Panchor Murai |
| | Awang Haji Jumat bin Haji Nayan (Imam Masjid Kampong Masin) | Di Masjid Kg Masin |
| … Batu;<br>… Ampar. | Awang Haji Metali bin Sudin (Imam Masjid Kg Pengkalan Batu) | Di Masjid Kg Pengakalan Batu |
| … Manis;<br>… Lurah; | Ampuan Haji Tengah bin Ampuan Md Daud (Imam Masjid Kg Limau Manis) | Di Masjid Kg Limau Manis |
| | Awang Tuah bin Awang Ladi (Pmk. Imam Kampong Junjongan) | Di Masjid Kg Junjongan |
| | Awang Haji Nudin bin Bakar (Imam Masjid Kg Lumapas) | Di Masjid Kg Lumapas |
| | Awang Mohd Hashim bin Haji Ja'afar @ Md Zain (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| … Sakar | Awang Kamis bin Hj Tersad (Imam Masjid Kg Kasat) | Di Masjid Kg Kasat |
| | Awang Sani bin Akim (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| | Awang Ja'afar bin Kassim (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| … Letrik;<br>… Tingkatan<br>… Per-<br>… Bolkiah | Pengiran Haji Md Daud bin Pg Haji Abd Rahman | Di Rumah Amil |
| … Estate; | Awang Amit bin Haji Bungsu (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| | Awang Haji Alim bin Ja'afar (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| | Awang Haji Berudin bin Ag Abu Bakar Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| | Awang Haji Sukor bin Haji Pakar (Penghulu Mukim) | Di Rumah Amil |
| | Awang Hassan bin Haji Ahim (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| … Mata | Pengiran Haji Puteh bin Pg Ahmad (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| | Awang Mohammad bin Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| … Diraja<br>… untuk<br>… dan | Kaptain Affalon bin Dato Haji Hamidon (Pegawai AMDB) dan<br>Ustaz Jemain bin Kaliman (Guru Ugama) | Di Surau Askar Melayu Diraja Bolkiah Kem |

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 29. | Perpindahan Berakas :<br>a) Kampong Jaya Bakti;<br>b) Kampong Jaya Setia;<br>c) Kampong Burong Pinggai Berakas | Awang Haji Ibrahim bin Othman (Imam Masjid Sufri Bolkiah) | Di Masjid Sufri Bolkiah, Berakas |
| 30. | Kampong Lambak "A" | Awang Pudin bin Jumahat (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 31. | Kampong Lambak "B" | Awang Haji Juna bin Abd Kahar (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 32. | Kawasan Askar Melayu Diraja Brunei Berakas Kem (untuk Askar Melayu Diraja dan keluarga-keluarga mereka sahaja) | *Kaptain Samid bin Hj Abd Aziz (Pegawai AMDB) dan<br>Ustaz Ahmad Haji Mokthar (Guru Ugama) | Di Surau Askar Melayu Diraja Berakas Kem |
| 33. | Masjid Mohammad Bolkiah :<br>a) Kampong Serusop dan termasuk Kawasan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan;<br>b) Kawasan Polis Lapangan Terbang dan sekitarnya. | Yang Dimuliakan Begawan Pehin Siraja Khatib Haji Abd Hamid bin PSP Haji Md Ja'afar dan<br>Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Haji Abd Hamid bin Metassan | Di Masjid Mohammad Bolkiah |
| 34. | Kampong Delima Satu Pengiran Siraja Muda. | Pengiran Haji Buntar bin Pg Sulaiman (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 35. | Kampong Pancha Delima | Awang Haji Yakub bin Haji Metali (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 36. | Anggerek Desa :<br>a) Kampong Anggerek Desa;<br>b) Kampong Pulaie. | Pengiran Yahya bin Pg Hashim (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 37. | Kampong Orang Kaya Besar Imas. | Awang Haji Mohammad bin Haji Jamaluddin (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 38. | Manggis :<br>a) Kampong Manggis;<br>b) Kampong Sungai Akar;<br>c) Kampong Madang;<br>d) Kawasan Pusat Latihan Polis Diraja Jalan Muara | Awang Haji Nasir bin Tarif (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 39. | Sungai Hanching :<br>a) Kampong Sungai Hanching;<br>b) Kampong Salambigar;<br>c) Kampong Sungai Tilong | Awang Hashim bin Ahmad (Imam Masjid Kg Sungai Hanching) dan<br>Awang Badaruddin bin Pukul (Bilal Masjid Kg Sungai Hanching) | Di Masjid Kg Sg Hanching |
| 40. | Tanah Jambu :<br>a) Kampong Tanah Jambu;<br>b) Kampong Salar. | Awang Haji Ismail bin Mohd Daud (Imam Masjid Kg Tanah Jambu) | Di Masjid Kg Tanah Jambu |
| 41. | Muara :<br>a) Kampong Sabun;<br>b) Kampong Serasa;<br>c) Kawasan Kapok;<br>d) Kawasan Rumah Pegawai-Pegawai Kerajaan Tanjong Pelumpong;<br>e) Kawasan Balai Polis Diraja Pekan Muara;<br>f) Kawasan Balai Bomba Pekan Muara;<br>g) Kampong Masjid Lama, Muara. | Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mahmud (Imam Masjid Setia Ali Muara) | Di Masjid Setia Ali Muara |
| 42. | Kawasan Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei, Muara (untuk Askar Melayu Diraja dan keluarga-keluarga mereka sahaja). | *Kaptain Jamaluddin bin Abd Ghaffar (Pegawai AMDB) dan<br>Ustaz Mohd Adib bin Syed Mat Zin (Guru Ugama) | Di Surau Angkatan Laut Pertama AMDB Muara |
| 43. | Kampong Sungai Buloh | Pengiran Jamaluddin bin Pg Haji Abd Kahar (Guru Ugama) | Di Rumah Amil |
| 44. | Kampong Batu Marang | Pengiran Haji Abdul Samad bin Pg Haji Abu Bakar (Imam Masjid Kg Batu Marang) | Di Masjid Kg Batu Marang |
| 45. | Kampong Mentiri. | Awang Dewa bin Awang Rabaha (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 46. | Kampong Sungai Besar | Awang Haji Md Yassin bin Awang Metussin (Imam Masjid Kg Sungai Besar) | Di Masjid Kg Sg Besar |
| 47. | Kampong Pulau Baru-Baru | Awang Haji Mohammad bin Haji Menuddin (Imam Masjid Kg Pulau Baru-Baru) | Di Masjid Kg Pulau Baru-Baru |
| 48. | Kampong Sungai Belukut | Awang Haji Yakub bin Haji Tengah (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 49. | Kampong Sungai Matan | Awang Damit bin Menuddin (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 50. | Kampong Serdang | Awang Haji Jumat bin Haji Mertersad (Imam Surau Kg Serdang) | Di Surau Kg Serdang |
| 51. | Kampong Pudak | Awang Haji Mohd Yassin bin Idris (Imam Masjid Kg Pudak) | Di Masjid Kg Pudak |
| 52. | Kampong Dato Gandi | Awang Abu Bakar bin Mohd Salleh (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 53. | Kampong Pelambayan | Awang Ibrahim bin Haji Mertersad (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 54. | Kampong Kota Batu | *Awang Haji Damit bin Hj Laidin (Pmk. Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 55. | Pintu Malim :<br>a) Kampong Pintu Malim;<br>b) Kampong Sungai Lampai | Awang Haji Ludin bin Hj Hashim (Ketua Kampong) | Di Rumah Amil |
| 56. | Subok :<br>a) Kampong Subok;<br>b) Kampong Belimbing | *Haji Puting bin Mohd Noor (Imam Balai Ibadat Kampong Subok) | Di Balai Ibadat Kg Subok |

# NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FIT

## SENARAI NAMA-NAMA AMIL KAWASAN PEKAN DAN PENDALAMAN DAERAH TUTONG BAGI TAHUN 1983/1403

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Kawasan Barat Masjid Hassanal Bolkiah "A"<br>a) Kampong Petani;<br>b) Kawasan Bukit Bendera dan Sungai Basong | *Awang Haji Abd Hamid bin Talipuddin (Imam Masjid Hassanal Bolkiah) | Di Masjid Hassanal Bolkiah |
| 2. | Kawasan Barat Masjid Hassanal Bolkiah "B"<br>a) Kampong Sengkarai;<br>b) Kampong Kuala Tutong;<br>c) Kampong Serambangun | *Awang Badarudin bin Senudin (Ketua Kampong Sengkarai) | Di Rumah Amil |
| 3. | Kawasan Timor Masjid Hassanal Bolkiah<br>a) Kampong Suran;<br>b) Kampong Panchor Dulit;<br>c) Kampong Panchor Papan;<br>d) Kampong Rambai | Awang Abu Bakar bin Haji Ya'akub (Bilal Masjid Hassanal Bolkiah) | Di Masjid Hassanal Bolkiah |
| 4. | Mukim Masjid Chahaya Derma Bakti Penanjong | Awang Haji Abd Wahab bin Haji Othman (Imam Masjid Chahaya Derma Bakti Penanjong) | Di Masjid Chahaya Derma Bakti Penanjong |
| 5. | Mukim Masjid Kampong Senaut | Awang Judin bin Mohd Yussof (Imam Masjid Kampong Senaut) | Di Masjid Kg Senaut |
| 6. | Mukim Masjid Kampong Keriam | Awang Ahmad bin Jumat (Imam Masjid Kampong Keriam) | Di Masjid Kg Keriam |
| 7. | Mukim Masjid Kampong Kupang | *Awang Siadis bin Haji Damit (Guru Ugama/ Pmk Imam Masjid Kampong Kupang) | Di Masjid Kg Kupang |
| 8. | Mukim Masjid Kampong Birau | Awang Haji Abd Rahman bin Haji Serudin (Imam Masjid Kampong Birau) | Di Masjid Kg Birau |
| 9. | Mukim Masjid Kampong Lamunin | Awang Haji Ahmad bin Hussain (Imam Masjid Kampong Lamunin) | Di Masjid Kg Lamunin |
| 10. | Mukim Masjid Kampong Layong | Awang Haji Abd Manaf bin Haji Lahid (Imam Masjid Kampong Layong) | Di Masjid Kg Layong |
| 11. | Mukim Masjid Kampong Kiudang | Awang Othman bin Talipuddin (Imam Masjid Kampong Kiudang) | Di Masjid Kg Kiudang |
| 12. | Mukim Masjid Kampong Tanjong Maya. | Awang Subohi bin Abd Kadir (Imam Masjid Kampong Tanjong Maya) | Di Masjid Kg Tanjong Maya |
| 13. | Mukim Masjid Kampong Tumpuan Telisai | Awang Sabtu bin Abu Bakar Bakar (Imam Masjid Tumpuan Telisai) | Di Masjid Kg Tumpuan Telisai. |
| 14. | Mukim Masjid Kampong Danau | Awang Haji Abd Wahab bin Imam Daud (Imam Masjid Kampong Danau) | Di Masjid Kg Danau |
| 15. | Mukim Masjid Kampong Penapar | Pengiran Mumin bin Pg Sulaiman (Imam Masjid Kampong Penapar) | Di Masjid Kg Penapar |
| 16. | Mukim Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang | Awang Ali bin Jambol (Imam Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang) | Di Masjid Kg Menengah dan Bukit Sulang |
| 17. | Mukim Masjid Kampong Bukit Beruang | Awang Johari bin Abu Bakar (Imam Masjid Kampong Bukit Beruang) | Di Masjid Kg Bukit Beruang |
| 18. | Kawasan Kampong Bekiau | Pengiran Othman bin Pg Salleh (Penghulu Mukim Kiudang) | Di Rumah Amil |
| 19. | Kawasan Kampong Bukit Panggal | Awang Haji Mumin bin Ahmad (Ketua Kampong Bukit Panggal) | Di Rumah Amil |
| 20. | Kawasan Askar Melayu Diraja Brunei Batalion Kedua Tutong Kem | a) Awang Alikhan bin Haji Ismail (Imam Surau AMDB Tutong Kem) | Di Surau Batalion Kedua Tutong Kem. |
| | | b) Kijan @ Mohd Azmi bin Morsip (Guru Ugama) | — do — |

## SENARAI NAMA-NAMA AMIL KAWASAN PEKAN BANGAR DAN PENDALAMAN DAERAH TEMBURONG BAGI TAHUN 1983/1403

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Kawasan Bangar "A"<br>a) Kawasan Pekan Bangar;<br>b) Kampong Semamang;<br>c) Kampong Kinalong;<br>1) Barik Letrik;<br>e) Kampong Seri Tanjong Belayang;<br>f) Kampong Batang Tuau. | Awang Suhaile bin Ibrahim (Imam Masjid Utama Mohd Salleh) | Di Masjid Utama Mohd Salleh |

## SENARAI NAMA-NAMA AMIL KAWASAN PEKAN DAN PENDALAMAN DAERAH TEMBURON BAGI TAHUN 1983/1403

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL |
|---|---|---|
| 2. | Kawasan Bangar "B"<br>a) Kawasan Pekan Bangar Baru;<br>b) Kampong Sungai Tanam;<br>c) Kampong Sungai Tanit;<br>d) Kampong Menengah;<br>e) Askar Melayu Diraja Brunei Bangar Kem | Pengiran Haji Metassan bin Pg Mohd Salleh (Bilal Masjid Utama Mohd Salleh) |
| 3. | Kawasan Kampong Selangan<br>a) Kampong Selangan;<br>b) Kampong Belingus;<br>c) Kampong Amo;<br>d) Kampong Sibut;<br>e) Kampong Sumbiling;<br>f) Kampong Belaban Baru;<br>g) Kampong Sibulu. | Awang Haji Abd Kadir bin Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abd Rahim (Imam Masjid Kampong Selangan) |
| 4. | Mukim Masjid Batu Apoi<br>a) Kampong Batu Apoi;<br>b) Kampong Negalang;<br>c) Kampong Perpindahan Gadong | Awang Haji Nasir bin Haji Buntar (Imam Masjid Batu Apoi) |
| 5. | Mukim Masjid Bokok<br>a) Kampong Bokok;<br>b) Kampong Rataie;<br>c) Kampong Bekarut;<br>d) Kampong Meniup;<br>e) Kampong Belais;<br>f) Kampong Sembatang;<br>g) Kampong Kenua;<br>h) Kampong Semabat dan Temada;<br>i) Kampong Buda-Buda. | Awang Haji Sabtu bin Abd Ghani (Imam Masjid Kampong Bokok) |
| 6. | Mukim Masjid Labu Estate<br>a) Kampong Labu Estate;<br>b) Kampong Senukoh;<br>c) Kampong Pisau-Piasau. | Awang Ahmad bin Tengah (Imam Masjid Kampong Labu Estate) |
| 7. | Kawasan Masjid Kg Puni<br>a) Kampong Puni;<br>b) Kampong Hujong Jalan. | *Awang Haji Saini bin Hashim (Pemangku Imam Masjid Kampong Puni) |

## SENARAI NAMA-NAMA AMIL KAWASAN PEKAN PENDALAMAN DAERAH BELAIT BAGI TAHUN

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL |
|---|---|---|
| 1. | Dari Kawasan Round About, Batu 4 Kuala Belait hingga kawasan Tanjong Kuala Belait | i. Awang Zainal bin Idris (Imam Masjid Mohd Jamalul Alam)<br>ii. Che'gu Haji Jamaluddin bin Ismail (Guru Ugama)<br>iii. Che'gu Jayah bin Buntar (Guru Ugama)<br>iv. Awang Shafiee bin Omar Inche (Bilal Masjid Mohd Jamalul Alam) |
| 2. | Dari Kampong Sungai Teraban hingga ke Sungai Tujoh Kuala Belait | Che'gu Ismail bin Haji Sedek (Guru Ugama) |
| 3. | Dari Sungai Bera, Seria hingga ke Lorong 3, Seria | i. Awang Haji Yusof bin Munjil (Imam Masjid Pekan Seria)<br>*ii. Che'gu Haji Jaman bin Ali (Guru Ugama) |
| 4. | Dari Lorong 4 Seria hingga ke Round About Batu 4 Kuala Belait | i. Awang Japar bin Ibrahim (Khatib Masjid Pekan Seria)<br>ii. Che'gu Talipuddin bin Mahari (Guru Ugama) |
| 5. | Mukim Sungai Liang, Belait | i. Che'gu Haji Hassan bin Haji Mohammad (Guru Ugama)<br>*ii. Che'gu Mohd Jamil bin Haji Abas (Guru Ugama) |
| 6. | Mukim Labi, Ulu Belait | i. Che'gu Kasim bin Jasin (Guru Ugama)<br>*ii. Che'gu Mohd Buang bin Omar (Guru Ugama) |
| 7. | Mukim Bukit Sawat, Ulu Belait | i. Awang Haji Ali bin Othman (Imam Masjid Sg Ubar Bt. Sawat)<br>ii. Che'gu Ahmad bin Othman (Guru Ugama) |
| 8. | Mukim Kuala Balai, Ulu Belait. | Awang Shafiee bin Lewin (Ketua Kampong) |

# ...ETAPAN CUKAI JALAN KERETA DUA-GUNA

...SERI BEGA-
... Jabatan
... Darat
... bahawa
... Jun 1983,
... dua-guna
... Toyota
... Isusu
... Patrol,
... Suzuki Jeep
... sebanyak
... pada masa
... dalam kadar
... iaitu
... c.c. setahun,
... menurut
... dalam kadar
... berikut:
... sendirian
... pergaulan
... dan
... ialah $2.25
... setahun.
... per-
... $4.50 per
... dan bagi
... kanak-kanak
... sewa/upah
... atau lebih)
... per 199 c.c.

... tersebut meng-
... kepada pemohon
... daftar/melesen
... dua-guna
... mencatat
... dan betul
... barang per-
... untuk mendaf-
... akan tujuan

... itu hendak
... untuk per-
... sebagai
... berpandu atau
... pandu sendiri
... kanak-
... untuk
... pemohon hen-
... Per-
... berkenaan. Dan
... itu didaf-
... untuk tu-
... maka
... hendaklah
... kebenaran
... pihak
... Melesen iaitu
... Daerah atau
... Lembaga Ban-

... pemohon
... bahawa
... menyalahi
... Lalulin-
... 1954, di
... meng-
... kereta
... lain dari
... dibenarkan

bagi kereta-kereta tersebut. Hukuman bagi mereka yang melanggar peraturan ini ialah tiga bulan penjara dan/atau denda sebanyak $500.00.

Dalam pada itu Jabatan Pengangkutan Darat juga mengingatkan bahawa adalah juga menyalahi Undang-Undang tersebut di bawah Bab 54 bagi sesiapa menggunakan atau membenarkan untuk digunakan sesebuah kereta sebagai kereta perkhidmatan awam, seperti kereta sewa berpandu atau bas sekolah (mengangkat seramai 7 penumpang atau lebih) tanpa kebenaran dari Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor. Hukuman ialah 6 bulan penjara dan/atau denda $2,500.00.

## ...Agung



# 6 W.O. DINAIKKAN PANGKAT LEFTENAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan tauliah kenaikan pangkat kepada enam orang pegawai-pegawai waran Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei ke pangkat Leftenan.

Kesemua mereka menerima kenaikan tersebut mulai 14hb. April lalu.

Dua daripada mereka, 3053 Pegawai Waran I Pg. Haji Abd Rahman bin Pg. Abd Wahab dan 3474 Pegawai Waran II Awang Jamil bin Ahmad adalah dari RHQ Kompeni.

3096 Pegawai Waran I Awang Yunus bin Lampai, 3188 Pegawai Waran II Awang Abd Aziz bin Asmat dan 4219 Pemangku Pegawai Waran II Pg. Bakar bin Pg. Sulaiman adalah merupakan pegawai-pegawai dari pasukan Batalion Kedua.

Sementara itu seorang lagi iaitu 4229 Pemangku Pegawai Pegawai Waran II Awang Tamit bin Lampoh adalah dari bahagian Skuadron Semboyan.

Pegawai-pegawai tersebut telah menerima pedang yang disampaikan oleh Pagawai Pemerintah Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei Brigadier JPW Friedberger MBE di satu majlis yang berlangsung di Mess Pegawai, Berakas Garrison Jumaat lalu.

Sebelum majlis penyampaian Brigadier JPW Friedberger berkata kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai tersebut bukanlah disebabkan perkhidmatan yang begitu lama atau rekod perkhidmatan mereka yang baik.

Kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai berkenaan telah ditimbangkan oleh satu majlis khas memandangkan khidmat mereka masih banyak diperlukan bagi disumbangkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Brigadier JPW Freidberger mengingatkan adalah penting bagi pegawai-pegawai tentera untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman negeri ini. Mereka mestilah menunjukkan contoh-contoh yang baik sepanjang masa, penuh kejujuran dan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab," tambah beliau.

# Pulang setelah hadiri Mingguan Sains S'pura

BERAKAS. — Perwakilan Brunei seramai enam orang yang diketuai oleh Dayang Hajjah Misli bte Haji Awang, Penolong Pengarah Pelajaran pulang pada hari Rabu lepas setelah menghadiri Mingguan Sains Belia di Singapura.

Rombongan Brunei diundang untuk memerhati dan mengambil bahagian dalam berbagai acara sepanjang minggu sains tersebut bersama-sama dengan perwakilan dari negara-negara Asean dan Hongkong. Salah satu acara kemuncak minggu sains itu ialah mengadakan bengkel sains bagi guru-guru sains di mana peserta-peserta dari Brunei turut mengambil bahagian.

Mingguan Sains Belia Singapura dianjurkan bersama oleh Pusat Sains Singapura dan Pertubuhan Guru-Guru Sains Singapura yang ditaja oleh Syarikat-Syarikat Shell di republik itu.

Pemergian rombongan Brunei yang terdiri dari pegawai-pegawai pelajaran, guru-guru sains dan ahli-ahli Pertubuhan Pendidikan Sains Brunei adalah ditaja oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad. Termasuk dalam rombongan tersebut ialah Dayang Hjh. Azizah bte PADP Haji Abdullah, Awang Anthony Liew Vun Chiang, Awang Abd. Razak bin Metassan, Awang Azahairani bin Haji Jamil dan Awang Yusof bin Metassim.

Menurut pihak yang berkenaan tujuan menyertai projek tersebut antara lain untuk meluaskan pengetahuan dan menambahkan pengalaman kemungkinan untuk mengelolakan acara seumpama itu di negeri ini di masa-masa akan datang. Ianya juga bertujuan untuk membolehkan pelajar-pelajar Brunei menghadiri minggu sains tersebut serta mengambil bahagian dalam acara-acara seperti pameran sains bagi sekolah-sekolah menengah, adu-sukan sains dan peraduan mengarang sains fiksyen.

Rombongan Brunei diiringi oleh Awang. Mohd. Shariff bin Haji Naweh, Pegawai Kemasyarakatan Shell Brunei.

# Wakil Pos di Ukong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei mulai 1hb Jun lepas telah mengadakan Wakil Pos di Kedai Awang Phua Lim Hoe, No 9, Kampung Pengkalan Ra'an Ukong, Tutong.

Wakil Pos ini akan menjual setem-setem, surat-surat udara ringan, buku-buku kecil setem dan lain-lain. Ianya juga menerima benda-benda pos yang berdaftar untuk dipos.

Semua surat-surat biasa dan berdaftar bagi kawasan tersebut akan diserahkan melalui wakil ini.

Orang ramai yang tinggal di sekitar kawasan ini adalah dialukan-alukan menggunakan perkhidmatan Wakil Pos yang berkenaan.

# Laporkan jika pindah alamat

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Buruh meminta semua majikan supaya melaporkan ke jabatan tersebut jika mereka berpindah atau tukar alamat, termasuk pertukaran peti surat dan nombor telefon.**

**Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Zainal bin Haji Momin menyatakan langkah ini dibuat adalah bagi membolehkan jabatan berkenaan mengambil maklum untuk melicinkan perjalanan jabatan tersebut.**

**Menurut beliau, setengah-setengah majikan bertukar alamat atau berpindah tempat perusahaan/perniagaan tanpa memaklumkan kepada jabatan ini. Akibat daripada itu Jabatan Buruh menghadapi kesulitan bagi mengetahui kegiatan-kegiatan syarikat-syarikat atau majikan-majikan tersebut.**

# Ketetapan harga barang keperluan harian

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 1hb. Jun 1983.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Chai Huat Trading, No. B2, Jalan Roberts.
2. BAWANG PUTIH: $3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Kim Seng Choon, No. 91, Jalan Pemancha.
3. TELUR AYAM (TEMPATAN): 0.25 sen sebiji boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Kim Seng Choon, No. 91 Jalan Pemancha.
   2. Sharikat Haji Abdul Rahaman, No. 94, Jalan Pemancha.
   3. Soum Huat, No. 28, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. S. Sa'adiah No. 92, Jalan McKerron.
2. BAWANG PUTIH: $3.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Chop Kim Ming, Bangunan Foo Chow, Jalan Bunga Rambai.
3. TELUR AYAM (TEMPATAN): 0.30 sen sebiji boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Chop How Min, No. B, Chinese Chamber of Commerce.

**SERIA**

1. UDANG KERING: $10.00 sekati boleh dibeli dari ke...
   1. Foo Hap Seng, No. 20 Jalan Sultan Omar A...
   2. Yuan Ho Hing, No. 49B, Jalan Bunga Kunin...
2. BAWANG PUTIH: $4.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Chop Yick Hoe, No. 7 Jalan Sultan Omar Ali.
   2. Hj. C. A. Mohammad & Son, No. 51, Jalan Bunga Kuning.
   3. Yick Fatt, Lot. No. 2660, Jalan Sultan Omar Ali.
3. TELUR AYAM (TEMPATAN): 0.25 sen sebiji boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. Chop Kun Mee, No. 6 Jalan Sultan Omar Ali.
   2. Chop Siong Yick, No. 54 Jalan Bunga Kuning.

# RTB Intisari minggu ini

## Radio minggu ini:

# SELAMAT BERPUASA

DENGAN terbitnya "RADIO MINGGU INI" menemui AWDA semua, maka hanya tinggal tiga hari saja lagi kita akan berada di bulan Ramadan, dan rasanya bagi kami seluruh kakitangan Bahagian Melayu, berserta dengan keluarga Jabatan Radio Televisyen Brunei, ingin mengucapkan 'Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di tanahair dan di mana saja berada.' Semoga bulan rahmat ini akan membawa kita semua berada di dalam sihat walafiat, dan dapatlah kita menunaikan segala perintah Allah.

Bahagian Melayu Radio Brunei dalam bulan puasa ini menyiarkan beberapa buah rancangan yang bercorak agama pada setiap hari di sebelah petang. Kesemua rancangan itu adalah hasil kerjasama dan sumbangan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

### PETUA PUASA

Rancangan "Menjelang Sungkai" yang memakan masa kurang dari 10 minit, yang akan disampaikan oleh Pegawai-pegawai Kanan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama akan menemui Awda setiap petang. Dalam rancangan itu banyak petua-petua mengenai puasa dapat kita ketahui. Sebuah rancangan yang berupa soal jawab agama di sekitar puasa, Zakat Fitrah dan Hari Raya, yang memakan masa tidak lebih 15 minit, juga akan kami siarkan setiap petang, iaitu sebaik-baik saja selesai doa azan, dan diikuti dengan lagu-lagu kasidah dan nasyid yang memuji-muji kebesaran Nabi Muhammad s.a.w.

Kisah dari Al-Quran, sebuah rancangan yang berupa kisah-kisah dari kitab suci itu, dibentangkan dan disusun begitu rupa, supaya sebanyak sedikit kita dapat mengetahui dan menghayati apakah kisah yang terkandung dalam Al-Quran.

Bulan puasa akan tiba, tibanya tidak dipanggil. Seluruh umat Islam di dunia ini, mengucap syukur, kerana dapat menunaikan ibadat puasa yang diwajibkan.

### RANCANGAN KHAS

Hanya tinggal tiga hari, puasa akan tiba, dan beberapa minggu akan datang bulan Syawal akan menggamit kita. Dan dalam jangka masa itulah juga seluruh kakitangan Bahagian Melayu akan menumpukan fikiran dan usaha mereka bagi menyusun dan menerbitkan rancangan khas untuk Hari Raya. Kesibukan pegawai-pegawai Bahagian Melayu silih berganti, belum lama ini, sibuk dengan Pertandingan Bintang Kecil Radio, disusuli dengan Pertandingan Bintang Remaja yang pada masa ini sudah masuk ke peringkat separuh akhir. Dan kini sibuk lagi dengan rancangan-rancangan Hari Raya. Walaupun bagaimana, kesibukan-kesibukan seumpama itu, sudah menjadi kebiasaan atau sudah menjadi darah daging pegawai-pegawai Bahagian Melayu. Dalam pada itu, sempat jua pegawai-pegawai Bahagian Melayu mengerawatkan lidah, mengucapkan selamat berpuasa kepada **seluruh umat Islam di tanahair.**



**EMPAT orang peserta dari Daerah Tutong, akan mewakili daerah itu ke peringkat** akhir senegeri. Mereka ialah (dari kiri): **Halizah Hassan, Siti Norbaya ... Aziz Abdul Hamid dan Rosinah Mat Dikir.**



**DAERAH Temburong juga menghantar wakil-wakilnya ke peringkat separuh** ... Mereka ialah (dari kiri): Rosmawani Md Salleh, Noriah Haji Md Tahir ... Ahmad dan Taridah Pungut.



**ENJOYING their discussions on this week's edition of "OUR VIEWS" are from left Dk Hajjah Noraid bte Pg Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pg Haji Ali, the chairlady Dayang Hayati bte Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Md Salleh, Dayang Pushpa Leela Rama, Awang Wilson Chao and the subject is on "RADIO" and it will be broadcast on Sunday 12th June at 11.00 a.m.**

SERAMAI 20 orang peserta akan bertanding untuk melayakkan diri ke peringkat separuh akhir Pertandingan Bintang Remaja '83, yang akan diadakan pada hari Jumaat, 10hb Jun 1983 bermula jam 2.00 petang bertempat di Studio A RTB.

Hanya 10 orang peserta saja akan dibawa ke peringkat akhir senegeri yang akan diadakan pada hari Sabtu 6hb Ogos depan.

Siapakah yang akan terpilih ke peringkat negeri itu nanti, Awda dipersilakan hadir ke Studio A RTB untuk menyaksikan pertandingan separuh akhir yang akan diadakan pada hari Jumaat 10hb bermula jam 2.00 petang.

## "Penyesalan" Sand... radio minggu ini

ROSLI seorang pemuda yang berpendidikan barat masih kuat dengan fahaman dan pengaruh kebaratan itu dalam jiwanya, hinggakan perkara ini menjadikan pertentangan hidupnya dengan keluarganya sendiri.

Di mana ayah dan ibunya (Borhan dan Timah) sering memberikan nasihat kepadanya, namun segala nasihat dan pandangan dari kedua ibu bapanya itu tidak mendapat tempat di hatinya sendiri. Rosli tetap dengan pendirian kebaratannya itu juga.

Dengan sebab itulah, ayah dan ibunya sering bertentangan pendapat antara satu sama lain. Di mana dalam soal ini ibunya sering menyebelahi Rosli, sedangkan ayahnya, jauh berbeza dari apa yang mereka kedua lakukan.

Ayah Rosli mahukan supaya Rosli patuh dalam soal-soal keagamaan, tetapi bagi Rosli ... Soal-soal ... kannya ... ngaruh ... nguasai ...

Hal ... Rosita ... satu pesta ... Rahman. ... yang Rosli ... perkara ... dalam ... Rosli ... tersebut.

Dari ... menjadikan ... menyukai ... dilakukan ... hinggakan ... ninggalkan ... dan ... jadikan ... an mereka ...

Apa ... PENYESALAN ... mengetahui ... kan para ... cerita ini ... hari Ahad ...



**MENDAPAT giliran untuk memilih lagu-lagu dalam rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Dayang Haslena bte Metussin, Barik No. 80 'D', Jalan Bolkiah, Seria. Rancangan ini akan ke udara pada hari Isnin 13hb Jun jam 1.30 petang.**

## Rancangan TV Pendidikan dari 13hb. hingga 18h...

### ISNIN — 13HB JUN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 888.
Dalam rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN BELON, DI MANA TEMPATNYA, AMINAH, MINUM, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.

### SELASA — 14HB JUN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 889.
Rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, MINUM, SI MANIS, AMIN, TEKA BUNYI dan CERMIN SAKTI.

### RABU — 15HB JUN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 890.
Dalam rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, PETI SURAT, MINUM, HALAMAN BINATANG, BERSENAM, MAIN BANG dan CERMIN SAKTI.

### KHAMIS — 16H...

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG ...
Rancangan kali ... aktiviti-aktiviti ... MINUM, MAIN ... HALAMAN MENY... MIN SAKTI.

### SABTU — 18H...

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG ...
Dalam rancangan ... ngan aktiviti-aktiviti ... KESELAMATAN ... AMINAH, BOLA ... BANG dan CERMIN ...

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## ...ARI RABU
## ...HB JUN

...DAN MARI KITA
...RANCANGAN
...UDANG
...SPACE COASTER
...WOODPECKER
...STROKES
...MAGHRIB
...CT — sambungan

...DALAM BAHASA
...TO HART :
...TO HART — sambungan
...BERITA
...NASIONAL
...COMPANY
... "Beyond The Open
...GAMBAR :
... Love" (Drama)
... penuntut yang men... dan percintaan di ... universiti. Mollie pen... mengikuti latihan sukan. ... maths yang bergeliga. ... tahun ketiga dan ahli ... lumba berkayuh. ... di antara mereka ber... dan seterusnya me... kehidupan dunia yang lebih ...

...TAMAT.

## ...ARI KHAMIS
## ...HB JUN

...KAAN
...DAN MARI KITA
...RANCANGAN
...KAP UDANG
...STREET
...AWAL
...STONE FROLICS
...TO ADVENTURE :
... Watch"
... kali ini penonton ... menaiki kapal pemecah ... ship) "Glacier" untuk ... Kutub Utara yang mempu... 40 darjah di ba... Walaupun dengan keadaan... dan pancaran matahari ... namun beberapa jenis ... di sana: di antara... sejenis ikan duyung, ... dan beberapa jenis bu...

...MAGHRIB
...TO ADVENTURE —

...DALAM BAHASA
...RIDER :
... Liberty . . . . or Give Me
... nama seorang wanita ... diselamatkan oleh Michael ... mengetahui rahsia satu ... sabotaj satu perlum...
...ISYAK
...RIDER — sambungan
...BERITA
...MINGGU INI
...JACKSON'S WORLD
...TO FIVE :
... Live Here"
...TAMAT.

## ...ARI JUMAAT
## ...HB JUN

...DAN MARI KITA

BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 RANCANGAN AGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN
1.25 ROAD TO L.A.

PETANG

2.15 THE YOUNG MAVERICK — "Hearts O'Gold"
3.00 HEROES' HIGH
3.30 THE EXPEDITION TO ANIMAL "Mangrove Swamps of The Atlantic"
3.45 AZAN ASAR
3.48 THE EXPEDITION TO ANIMAL KINGDOM — sambungan
4.00 THE LITTLE RASCAL
4.25 RENCANA TEMPATAN : Klinik Mata (ulangan)
4.55 ELECTRIC COMPANY
5.20 POWER OF THE ATOM
5.35 THE ODDBALL COUPLE (Episod terakhir)
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 CAMP WILDERNESS :
6.36 AZAN MAGHRIB
6.46 CAMP WILDERNESS — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TUCKER'S WITCH : "Big Mouth" Sesudah menerima beberapa panggilan ancaman, seorang "TV gossip columnist" mengupah Tuckers untuk menyiasatnya.
7.48 AZAN ISYAK
7.53 TUCKER'S WITCH — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DRAMA : "Pelandok ditimbak gajah yang kena (ulangan)
9.05 DALLAS : "Crash Of '83"
9.55 BENSON
10.25 C.B.S. SPORTS SPECTACULAR
11.25 CHICAGO STORY : "Performance" Bhg. 1.
12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU
## 11HB JUN

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.16 FAMILY MOVIE : "A Wedding On Walton Mountain"
3.45 KAP KAP UDANG
4.15 SESAME STREET : "Big Bird In China"
6.00 BERITA AWAL
6.05 GEOGRAPHY TODAY (Episod terakhir)
6.28 THE ANIMAL WORLD : "Blanco : The Baby Burro"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 THE ANIMAL WORLD — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE BEST OF MIDNIGHT SPECIAL
7.49 AZAN ISYAK
7.54 THE BEST OF MIDNIGHT SPECIAL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 FILEM RENCANA : Fibre Class Dari kemajuan dan perkembangan yang dicapai oleh pakar-pakar sains dan teknologi, selaras dengan ketemaduan dewasa ini, bermacam-macam alat serta perkakas yang dicipta khas, seperti fibre glass, yang boleh di rekabentuk mengikut acuannya, yang kini dapat diterima oleh masyarakat umumnya, kerana ianya lebih menyakinkan dari segi kekukuhan serta keelokannya.
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Aula Cinta"
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Probe" (Adventure) Seorang pengintip zaman angkasa lepas yang gerak gerinya diperhati dan diatur oleh sebuah misi kawalan pusat, membuat penyiasatan terhadap satu kehilangan batu-batu permata yang masyur. Pelakon-pelakon : Hugh O'Brian, Elke Sommer, Burgers Meredith, Sir John Gielgud, dan lain-lain.
12.35 SIARAN TAMAT.



DENGAN keadaan penghidupan yang pahit seperti tidak berumah, tidak berwang dan tidak mempunyai pekerjaan Carroll Yeager terpaksa melawan sebuah syarikat besar dan beberapa organisasi yang hendak menguasai Yeager Timber dan Mining. Di atas ialah adegan dari THE YEAGERS yang akan dapat ditonton tayangannya Selasa depan kira-kira jam 10.20 malam.

## HARI AHAD
## 12HB JUN

2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 THE GOLDIE GOLD AND ACTION JACK
2.45 THE JEFFERSONS
3.10 PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN JABATAN-JABATAN BERPAKAIAN SERAGAM
3.46 AZAN ASAR
3.49 PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN — sambungan
4.00 PLASTIC MAN
4.30 PANCA IRAMA : Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong.
5.15 ON SAFARI
5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FONZ AND THE HAPPY DAYS GANG
6.30 LOVE SIDNEY : 'Hello Yetta'
6.27 CERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.37 BEDOK DAN AZAN MAGHRIB
6.47 NASYID/AL-QURAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
71.5 MATT HOUSTON
7.49 AZAN ISYAK
7.54 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 BUMI HIJAU
9.05 ONE IN A MILLION : "Italian Connection" (Episod terakhir)
9.35 INSIDE A MULTINATIONAL : "The Sharp End"
10.05 THE BLUE AND THE GRAY (Episod terakhir)
10.55 TALES OF THE UNEXPECTED : "What Have You Been Up To Lately"
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN
## 13HB JUN

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
p.02 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
2.15 IRAMA DAKWAH
2.45 DOK : The Disinherited
3.30 TITIAN NADA
3.46 AZAN ASAR
3.49 TITIAN NADA — sambungan
4.00 KAP KAP UDANG
4.25 WHISPER OF GLOCKEN
4.50 THE PERILS OF PENELOPE PITSTOP : "North Pole Peril"
5.10 DASTARDLY AND MUTTELY
5.30 THAT'S INCREDIBLE
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE — sambungan
6.25 CERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.37 BEDOK DAN AZAN MAGHRIB
6.47 NASYID/AL-QURAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TALES OF THE GOLD MONKEY : "Ape Boy"
7.49 AZAN ISYAK
7.54 TALES OF THE GOLD MONKEY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 ARE YOU BEING SERVED : "The Hero"
9.35 DOC : FLIGHT OF THE CONDOR : "Ocean, Desert and Thin Air" Di antara tempat-tempat yang di tinjau kali ini ialah padang-padang pasir di Chile dan Peru dan Tasek Titicaca dan Aliplano.
10.25 THE PHOENIX : "Presence of Evil"
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA
## 14HB JUN

PETANG

3.45 PEMBUKAAN
3.46 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
3.58 SUSUNAN RANCANGAN
4.00 KAP KAP UDANG
4.30 PHOENIX AND THE CARPET : "Queen of the Island"
5.00 HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION : "The Bad Lot"
5.30 RIPELY'S BELIEVE IT OR NOT
6.00 BERITA AWAL
6.05 REPLEY'S BELIEVE IT OR NOT — sambungan
6.25 CERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.37 BEDOK DAN AZAN MAGHRIB
6.47 NASYID/AL-QURAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST : "Confrontations" Ketika minum pagi, Vickie ternampak Cole dalam kebingungan.
7.49 AZAN ISYAK
7.54 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.20 STRANGERS : "Friends In High Places"
10.20 TAYANGAN GAMBAR : "The Yeagers"
11.50 SIARAN TAMAT.



Bersempena dengan sambutan ulang tahun penubuhan AMDB ke-22 itu satu majlis jamuan telah diadakan di Mess Pegawai Perkhemahan Berakas. Gambar atas kelihatan Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah ketika berangkat ke majlis tersebut.

# AMDB T

Liputan oleh: Aisah Piee, Zubaidah HS, M

Sambutan Hari Ulang Tahun Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, yang ke-22 tahun telah diadakan serentak di ketiga-tiga daerah di seluruh negeri pada hari Selasa minggu lalu.

Sempena sambutan tersebut Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengadakan pertunjukan-pertunjukan arena di ketiga-tiga daerah. Bagi daerah Brunei-Muara ianya diadakan bertempat di Padang Maktab S.O.A.S. di sini, di Kuala Belait bertempat di Padang KBRC dan di Daerah Temburong bertempat di Padang Baru Pekan Bangar. Acara bermula kira-kira pukul 9.00 pagi.

Antara pertunjukan-pertunjukan yang telah diadakan di sini oleh Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei ialah permainan pancaragam, gymnastik, meluncur dengan menggunakan tali dari pesawat helikopter yang telah dilakukan oleh Platoon Gerakan Khas, pertunjukan latihan dari bahagian Bomba AMDB, membina jambatan cara-cepat oleh Squadron Jurutera Penggempur.

Pertunjukan terjun payung gaya bebas oleh ahli-ahli Unit Terjun Payung Cawangan Udara, bertugas dengan anjing-anjing garang yang terlatih yang merupakan anjing pengawal, anjing pengesan nerkotik, dan anjing pengesan senjata dan bahan letupan oleh ahli-ahli Pasukan Gurkha Simpanan.

Acara kemuncak pada hari itu ialah pertunjukan teknik peperangan yang disertai oleh 'A' Kompeni Batalion Pertama, Pasukan Meriam Katak Batalion Pertama, Squadron Kereta Kebal dan Cawangan Udara AMDB.

Turut menyaksikan pertunjukkan tersebut ialah Pemerintah Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei Brigedier J.P.W. Friedberger, Pegawai Memerintah Batalion Pertama, YDM Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Lt. Kol. Dato Paduka Awang Haji Mahdini dan Pegawai-Pegawai Kanan pasukan tersebut.

Di daerah Temburong satu pertunjukan ketenteraan telah diadakan oleh Pasukan Angkatan Laut Pertama AMDB bertempat di Padang Baru Pekan Bangar. Antara pertunjukan yang diadakan ialah turun dari helikopter dengan menggunakan tali dan setelah itu diikuti dengan terjun payung cara-bebas dari jarak empat ribu kaki oleh tiga orang anggota pasukan payung terjun.

Orang ramai juga berpeluang melihat pameran alat-alat ketenteraan secara dekat di mana dua buah kereta perisai peninjau Scorpion dan dua buah helikopter menjadi tumpuan orang ramai.

Di samping itu orang ramai juga diberi peluang meninjau secara dekat ke atas dua kapal peronda Angkatan Laut Pertama iaitu KDB Perwira dan





Kemuncak sambutan di Daerah Belait ialah upacara Perbarisan Berjalan Lalu dan Perbarisan Kenderaan Tentera mengelilingi Pekan Belait. Gambar atas kiri kelihatan Pasukan Askar Wanita dan atas, skuadron kereta perisai yang mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut.



Angkatan Laut pasukan itu juga tidak ketinggalan menyertai pertunjukan sempena ulang tahun ke-22 itu dengan memberikan peluang kepada orang ramai menaiki beberapa buah kapal peronda seperti kelihatan gambar kiri.

Gambar kanan kelihatan orang ramai kebanyakannya kanak-kanak mengambil peluang menyaksikan secara dekat salah sebuah pesawat helikopter. Pesawat ini adalah sebahagian dari alat-alat kelengkapan tentera yang dipamerkan kepada orang ramai dalam sambutan di Daerah Temburong.



# K KECEKAPAN

... hari itu ialah ... Batalion Kedua, ... Harimau Padang ... Laila Jasa Awang Haji ...

... beribu-ribu orang ... padang Per- ... Kedua untuk ... pertunjukan ... Ulang Tahun ... Jumaat 3hb. Jun

... yang hadir di ... termasuklah ... Awg Ahmad ... Kota Digadong Seri ... Haji Moham- ... Pasukan ... J.P.W. Friedberger ... Batalion ... Datu Harimau ... Dato Seri Laila ... bin Ahmad.

... dipersembahkan dalam ... termasuklah per- ... gabungan pan- ... AMDB dan Pasukan ... dan Tambur ... Pertunjukan ... helikopter, Per- ... payung gaya bebas, ... landrover ... Latihan ... Peperangan ... dan lain-lain pertun-



Inilah cara Tabik Hormat baru bagi pasukan Askar Melayu Diraja Brunei yang telah di perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei mulai 31hb. Mei, yang lalu.



Gambar kanan: ahli-ahli jurulatih Jasmani AMDB yang mengambil bahagian dalam pertunjukan jasmani dalam sambutan di Bandar Seri Begawan. Sementara gambar bawah kanan pula anggota skuadron jurutera penggempur menunjukan cara membuat jambatan.









Kemuncak acara sambutan di Daerah Tutong ialah pertunjukan tatoo dan persembahan permainan pancaragam (gambar bawah kiri). Seperti di lain-lain daerah, sambutan di Daerah Tutong juga diadakan pertunjukkan terjun payung gaya bebas (kiri). Sementara gambar bawah kanan pula kelihatan dua orang anggota bomba AMDB menunjukkan kecekapan mereka dalam memadamkan kebakaran.





# Rancangan rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

6.00–6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria
7.05 Panduan Sukan
8.15 Intisari Rancangan

**TENGAH HARI**

12.00–12.45 Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo)
12.15 Mutiara Titah
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

**PETANG**

5.45 Brunei Dalam Sejarah
6.00 Siri Mukaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

**MALAM**

10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERI[TA]

6.45 pagi
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Mag[hrib] dan Isyak.

## HARI RABU
## 8HB JUN

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30—Dendang A. Nandong.
TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.
PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Yatim Mustapha Siri 1), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.
MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00—Menyusur Pendalaman (SU), 9.30 — Senandung Budaya, 9.45 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS
## 9HB JUN

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.
TENGAH HARI: 1.30 — Puspasari/Keroncong.
PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Agama/Soal Jawab Agama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.40 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dakwah), 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.
MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagu Asli.

## HARI JUMAAT
## 10HB JUN

PAGI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50—Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).
TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.
PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Pusparama, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Hiburan Petang, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00—Suntingan Khutbah Jumaat, 5.45 — Hiburan Senja.
MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Agama/Majalah Agama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

## HARI SABTU
## 11HB JUN

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30—Hiburan Untuk Adik-Adik.
TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 1.45 — Dialog Semasa.
PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Intisari Mingguan, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Agama.
MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jaya, 9.45 — Senandung Malam.

## HARI AHAD
## 12HB JUN

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Balai Drama, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.
TENGAH HARI: 12.00—Tahniah Dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu.
PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30—Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.
MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-lagu Lama).

## HARI ISNIN
## 13HB JUN

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.
TENGAH HARI: 1.30—Dari Pendengar Untuk Pendengar.
PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 — Dendang Remaja, 4.30 — ... 4.45 — Rampaian Jo[get] ... wakili Zamannya, 5.15 — ... 5.45— Kuliah Agama ...
MALAM: 7.00 — Maja[lah] ... — Hiburan Malam, 8.30 — ... usahaan, 9.00 — Lagu-la[gu] ... — Ku Tujukan Lagu.

## HARI SELA[SA]
## 14HB JU[N]

PAGI: 8.30—Suara ... — Dendang Antarabangsa ... Pendengar, 10.15 — ... Dangdut, 10.30—Rampai[sari] ... — Lagu-lagu Permintaan ... 11.15 — Dari Lambaran ... Senandong Seloka.
TENGAH HARI: 1.30 — ... Lama (SU).
PETANG: 2.00 — Ku ... — Gema Silam, 3.30 — ... — Gema Keroncong/Pu[sparama] ... Seni Dan Sastera, 5.00 — ... 5.15—Untuk Awda, 5.45 — ...
MALAM: 7.00—Ruangan ... — Selingan Irama, 8.15 — ... karamai, 9.00 — Kugiran ... 9.45 — Senandung Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Classical music night with Rory Higgins
8.30 Hello Tomorrow
9.30 Classical Music (continued)

### Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme.
8.15 Sixty-Minute Theatre: "The Dartmoor Court Martial" by Peter King.
9.30 Country Club — 44.

### Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Feature: RAMADAN
11.15 Break for music
11.30 Children's half hour

NOON

12.00 Sweet and Stylish — 9/12.

P.M.

12.45 My Music — 252/167.
1.15 Book Club: Summer Lightning by P. G. Wodehouse — 13/15.
8.00 The World of Books.
8.30 Up The Belait River Without A Paddle.
9.00 Perspective
9.30 A Date

### Saturday

P.M.

8.00 Melody Time.
8.30 Strictly Instrumental
8.45 Just A Minute — 259/261.
9.30 Top of The Pops — 966.

### Sunday

A.M.

11.00 Our View: "Radio" — A discussion programme with with chairlady — Hayati Pehin Salleh.
11.30 Practical World
11.45 London This Week.
12.00 A Date

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 966 (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Inter School/College Debating Competition 1983.
8.30 Beautiful Music — 28/48.
8.45 BBC Science Magazine
9.30 Drama: "Earthsearch" — A Science Fiction adventure across space and time by James Follett — 5/10.

### Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five "The Devil's Elbow" by John Tarrant
8.45 Profile: Blondie ...
9.30 All That Jazz — ...

### Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 John Lennon 1940-... five part tribute ... and his music — ...
9.30 Stereo Pop Special ... Armatrading" Side ...

### Daily

A.M.

6.32 Quran and It's ...
6.40 Brunei's Am
7.00 Local News with ... and Brunei In H...
7.15 Brunei's A.M. ...
11.00 Ladies At Eleven — ... Fridays and Sundays
12.00 Lunch Break — ... days and Sundays
12.30 News and weather ... sidelines and H... Brunei.

P.M.

8.30 Radio Newsreel ... Sundays)
9.15 News.

SYARAHAN KHAS

# Untuk mendapat pertolongan Allah: TIADA JALAN SELAIN BERTAKWA

**SYARAHAN khas oleh Y.D.M. Pehin Udana Khatib Awang Haji Abd. Aziz bin Juned, Timbalan Kadi Besar, Brunei di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Negeri pada 25hb. Mei, 1983 bertempat di Padang Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Seri Begawan.**

T... pertandingan ...mbaca Al-Quran ...ahun ini ialah : ...ikan Pertolongan ...mbelaan Allah ...ng Bertakwa."

...a ertinya takut, ...an memelihara diri ...pada menderhakai ... memelihara diri ...pada menceroboh ...n hukum Allah. ... takwa ialah ...nya jahat dan rakus ...ukan kejahatan. Jadi ...at dan takwa itu ...ah dua perkara yang ...k boleh bertemu, yang ...k dapat duduk ...man, yang bermusuh ...ara satu sama yang lain ...ngan tidak ada penda... ...ma sama sekali.

...alah hakikat yang hen... ...kita ungkap, dari segi ...aman, apakah sikap ...llah Taala terhadap ...ng-orang yang ber... ...wa itu? Adakah juga ...ma dengan sikap-Nya ...hadap orang-orang ...g derhaka ? Jawabnya : ...ak! Tetapi orang-orang ...g bertakwa, orang mut... ...n itu ialah orang-orang ...lia, orang berpangkat, ...ng terhormat dan ...ng mulia sebagaimana ...man Allah yang ...tinya: *"Sesungguhnya ...ng besar dan teragung, ...g terhormat dan mulia ...ntara kamu di sisi ...llah ialah orang-orang ...ng lebih takwanya ...epada Allah, yang lebih ...nya kepada Allah, ...ng memelihara diri dan ...rtabatnya daripada ...gala mungkarat dan ke... ...an. Sementara orang ...au orang derhaka yang ...gkar dan 'asi kepada ...llah, ialah orang hina ...n rendah,"* sebagaimana ...rman-Nya bermaksud: *"...ng-orang derhaka itu ...alah orang hina, tempat... ...nya di neraka, walaupun ...eka itu hebat di atas ...nia ini."*

...agaimanakah untuk ...ta mengenal dan ...ngetahui orang ber... ...kwa itu? Apa identiti ...ereka? Jawabnya : Al-...Quran telah memberitahu ...ta, firman Allah ...ubhanahu Wataalla yang ...ertinya : *"Kitab Al-...Quran yang tidak ada ...eraguan di dalamnya ...enjadi pemimpin bagi ...rang-orang bertakwa."* ...iapakah orang-orang ...ng bertakwa itu? Mereka

1. Orang yang per... ...aya yang beriman ...epada yang ghaib, yang ...dak nampak dilihat oleh ...ancaindera. Walaupun ...dak nampak tetapi



**Y.D.M. Pehin Udana Khatib Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.**

mereka percaya, bukan percaya separuh-separuh, tetapi 100% percaya, seperti percayakan adanya Wahyu, percaya adanya Syurga, percayakan adanya Neraka, adanya pahala dan dosa, percayakan adanya azab kubur, adanya nikmat, adanya sirat, adanya mukjizat, adanya keramat dan adanya berkat. Ini tanda yang pertama, identiti orang takwa yang pertama.

2. Tanda kedua : Mereka itu sembahyang, tetap mengerjakan sembahyang. Bukan sembahyang bergantung-guntung, berkala-kala. Masa senang sembahyang, masa susah tidak! Di hadapan orang sembahyang, di belakang tidak! Di dalam negeri sembahyang, di luar negeri tidak! Semasa sihat sembahyang, masa sakit mogok! Bukan, bukan itu tandanya orang takwa. Tetapi orang takwa terus sembahyang, walau apapun keadaannya, dan di mana jua ia berada, sehingga habis hayat, hingga sampai masanya dijemput oleh Tuhannya.

3. Tanda yang ketiga : membelanja dan mentadbirkan harta di jalan kebajikan. Jangan gelapkan hak Allah dan hak manusia dalam perkara harta ini. Luruskan mana-mana yang lurus, beri zakat dan ampiti orang susah. Jangan sekali-kali lupa hal ini, atau buat-buat lupa, atau memang mogok. Ingatlah! Harta itu milik Allah. Ada hak orang lain di sini, hak fakir miskin, hak anak yatim, hak janda-janda. Jangan gelapkan hak orang. Tiap-tiap harta yang dikurniakan Allah kepada seseorang itu bukanlah milik mutlak, tetapi amanah yang diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Ada satu riwayat yang berlaku di zaman sahabat Ibnu Abbas radhiallahu anhuma. Seorang lelaki yang sangat kaya raya telah meninggal dunia. Maka digali oranglah kuburnya. Apabila digali kubur, kedapatan dalam kubur itu seekor ular yang amat besar. Lalu hal itu diadukan orang kepada Ibnu Abbas, dan Ibnu Abbas memerintahkan supaya digali kubur yang lain. Gali yang kedua, ular yang serupa ada pula di sana. Gali yang ketiga, demikian juga, sehingga pada akhirnya Ibnu Abbas tidak ada pilihan lain lagi melainkan menguburkan mayat bersama-sama dengan ular. Ditanyakan orang kemudian kepada waris simati, apakah gerangan kesalahan dalam masa hidupnya? Jawab waris-nya : Tidak ada apa-apa, orang ini adalah orang baik, tetapi cuma satu, bahawa ia enggan atau tidak mahu mengeluarkan zakat.

4. Identiti orang takwa yang keempat : Percaya kepada Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam dan lain-lain kitab yang diturunkan sebelum Baginda. Percaya kepada Quran ini, juga bukan percaya separuh-separuh 50% percaya dan 50% lagi tidak, bukan! Tetapi percaya penuh, yang disokong oleh amalan dan perbuatan sekali. Adalah tidak memadai, percaya ia kalam Allah, tetapi dalam masa yang sama kita tidak mahu membacanya. Adalah tidak cukup, kita percaya ia wahyu Allah, tetapi dalam masa yang sama kita abaikan dan langgar ajaran-ajarannya. Nama sahaja kita percaya, nama sahaja kita hormatkan Al-Quran, tetapi rumah-rumah orang Islam sunyi, tidak kedengaran ayat-ayat Quran dibaca, tidak ada suara-suara kudus, suara ibu bapa, suara ayah bonda, suara adik kakak, suara anak-anak, tidak ada, tidak ada. Yang ada memenuhi ruang, memenuhi bilik tamu, memenuhi bilik tidur, dan hatta memenuhi dapur ialah suara-suara lain, suara dari nyanyian-nyanyian dan dialog-dialog filem, yang sambung-bersambung seperti tidak ada kesudahannya. Pendeknya kita cukup kenyang dengannya.

Saya tidaklah menganjurkan supaya kita meniru bulat-bulat Sayidina Othman Ibnu Affan radhiallahu anhu, beliau khatam Al-Quran dalam sembahyang, atau Al-Imam Ash-Shafi'e, khatam Al-Quran sekurang-kurangnya 2 kali dalam sehari, sekali pagi dan sekali petang. Atau Al-Imam Abu Hanifah, khatam Al-Quran 60 kali sebulan penuh dalam bulan Ramadan. Tidak usahlah begitu, berat! Cuma, apa yang kita mahu, mari kita hayati Al-Quran itu jangan berhenti, jangan hanya pilih munasabah, tetapi kita jadikan ia amalan dan tradisi kita, terus dan terus membaca, tidak dapat pagi, tengah hari, tidak dapat tengah hari, petang, dan tidak dapat petang, malam, asalkan ada. Kita jadikan rumah-rumah kita biar bergema dengan Al-Quran, dengan zikrullah, kira sinari rumah-rumah kita orang Islam dengan nor cahaya Al-Quran untuk mendapatkan rahmat dan ubat daripadanya. Jangan jadikan rumah-rumah kita kubur, kerana rumah-rumah yang diam dan sunyi daripada suara Al-Quran itu disifatkan oleh Nabi sebagai kubur. Begitu sifat atau tanda yang keempat orang takwa.

5. Akhir sekali : Tanda orang takwa yang kelima dan terakhir, ialah percaya dengan hari akhirat, dengan pembalasan hari akhirat. Bukan separuh-separuh percaya, ½ percaya ½ ragu, ½ ragu dan ½ percaya, bukan! Tetapi percaya yang putus 100% percaya.

BERSAMBONG

# PANDUAN HAJI

(Sambungan)

## HAJI MABRUR

Dengan cara inilah saja boleh mengelakkan tuan/puan dari terlalai dengan kerja-kerja asing (yang terkeluar) dari kategori ibadah seperti bercerita, atau berbual-bual kosong yang mungkin membawa kepada perkara-perkara dosa seperti menceritakan hal orang lain atau mengumpat dan sebagainya maka awasilah perkara-perkara itu, kalau boleh lupakan.

Untuk mencapai haji mabrur dan mendapat ganjaran-ganjaran yang dijanjikan oleh Allah ikut sayugia terlebih dahulu memenuhi atau menyempurnakan syarat-syaratnya. Di antara yang utama selain daripada yang saya sebutkan tadi, ialah membuangkan segala kotoran (membersihkan jiwaraga).

Membersihkan diri di sini bagi saya dapat dibahagikan kepada dua bahagian secara kasarnya iaitu kebersihan rohani dan kebersihan jasmani.

Di dalam menunaikan ibadah, apa jua bentuknya seperti sembahyang, puasa, haji, sama ada ianya wajib atau sunat, maka untuk mencapai kesempurnaan ibadah tersebut di sisi Allah kuncinya adalah satu iaitu bersih.

Bersihkan rohani ialah membulatkan hati atau niat yang tulus ikhlas dalam menunaikan amalan tersebut 100 peratus Lillahitaala kerana Allah tidak melihat atau mengira rupa pekerjaan seseorang hamba-Nya dari segi zahir saja tetapi amalan seseorang itu akan dikira/diiktiraf sah atau tidaknya adalah terletak pada niat sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang ertinya: *"Sesungguhnya amal seseorang itu dikira dari niat."*

Dari itu tuan/puan para bakal haji sekalian pastikan perkara ini benar-benar wujud dalam amalan, banyak daripada amalan wajib, dan rukun-rukun haji yang kita perlu menekankan perkara niat ini, contohnya Tawaf, oleh kerana biasa atau pada kebiasaannya jemaah haji bila bertawaf selaku beriring-iring / berkumpulan sesama sendiri, maka terkadang-kadang kerana pada musim haji orang yang tawaf terlalu ramai jadi mungkin ada di antara kawan yang tertinggal atau kumpulannya bercerai sianu di mana sianu di mana, maka yang satu mencari yang lain dalam masa bertawaf — akhirnya tawaf tidak tentu arah, bilangan tawaf tidak tentu berkurang atau lebih, kerana niat dan objektif telah berubah dari itu pastikan bahawa amalan kita cukup sempurna dan selesai dahulu dan sesudah itu kalau perlu ada kerja-kerja luar seperti mencari teman/kawan dan sebagainya baharulah dilakukan, sama sekali jangan dicampur aduk kerana mencampurkan amalan ibadah dengan hal-hal yang bukan ibadah dan akhirnya ibadah itu cacat/tidak sempurna nantijahnya kerja letih, pahala tidak dapat. Kerana itu ibadah khususnya adalah pekerjaan hati.

Ketika di Mina waktu melontar, kawasan untuk melontar adalah kecil dibandingkan dengan keramaian jemaah haji yang berjuta-juta ramainya, jadinya keadaan bersesak-sesak, bertolak-tolak, berhimpit dan sebagainya mau tidak mau terpaksa dilalui, oleh itu kalau kita tidak biasa dengan keadaan yang demikian didorong oleh hati yang tidak sabar maknanya timbul rasa marah, mahu membalas dendam, kalau kita pernah ditolak atau dihimpit oleh jemaah lain, kita pun menjadi kasar liar pada hal sewaktu itu tuan/puan adalah beribadat — maka sikap demikian juga boleh mengurangkan pahala.

Kebersihan jasmani pula ialah bersih dalam ertikata suci daripada hadas, suci daripada najis yang boleh mencacatkan sesuatu ibadah, kalau berhadas misalnya maka wajiblah terlebih dahulu dengan niat merafaekan hadas tersebut mengikut rukun-rukun dan syaratnya. (mandi junub).

### TELAGA TUJUH

Bukanlah membersihkan diri di sini bahawa setiap jemaah haji mestilah mandi "TELAGA TUJUH" seperti mana pernah dan terdengar - sebahagian dari jemaah kitani mengatakan kepada rakan mereka bahawa kalau tidak mandi di telaga tujuh atu inda tah sah haji kerana badannya tidak dilalui oleh air dari telaga tujuh, saya belum pernah sama sekali mendengar atau membaca dari ulama buku yang menetapkan hukum yang demikian tetapi apa yang jelas mandi di telaga tujuh adalah bercampur gaul, mandi umum, orang sihat ada, orang penyakit ada, lagi tempat kecil dan sempit tidak tentu berpakaian dengan bermacam ragam, oleh itu yang nyata sebahagian dari pengunjung dan mandi mendapat/merasa kurang sihat, selesma dan sebagainya.

# FOKAS : PERANAN MAJLIS PELAJARAN BRUNEI

Dari muka 3

'Memberikan semua kanak-kanak segala kemungkinan peluang demi menjadikan mereka berguna untuk perkembangan negara bagi memenuhi segala kehendak yang diperlukan oleh negara supaya kehendak itu dipenuhi oleh rakyat Brunei sendiri'.

Dasar ini bermula dari sekolah rendah dan persediaan Inggeris kemudian sekolah menengah bawah, vokesyenal, menengah atas dan seterusnya universiti.

Umpamanya dalam sekolah rendah dan persedian Inggeris di rancangan pertama semua sekolah rendah dalam peringkat permulaaan kanak-kanak memerlukan pelajaran melalui sumbangan taman asuhan sekadar aktiviti-aktivitinya dikurangkan dan dibanyakkan latihan dan kemahiran membaca sama ada jawi atau rumi.

Ini satu rancangan yang Majlis mengasaskan kepada kanak-kanak yang bertujuan apabila sampai sekolah rendah mereka telah mahir membaca yang pada masa ini Jabatan Pelajaran telah memperkenalkan dengan meluasnya sistem 3 M.

Sistem ini bukannya baru, hanya dari segi pengendalian atau bentuknya saja yang diperbaharui.

*DS: Apakah yang ingin dicapai oleh Majlis ini?*

AHI: Untuk melihat bagaimana perkembangan pelajaran di negeri ini maju kepada tahap yang setinggi-tingginya sebanding dengan pencapaian pelajaran di negara lain.

Dalam pada itu Majlis juga berhasrat untuk melihat kelapan dasarnya berjalan dengan lancar.

*DS: Bagaimana pula keadaan permulaan pelajaran di Brunei.?*

AHI: Ini bergantung kepada faktor sejarah. Sebelum Perlembagaan 1959, bentuk pelajaran belum menentu. Brunei bernaung pada British pada 1888 dan menerima British Resident pada 1906. Hingga 1912 Brunei belum mempunyai bentuk persekolahan yang tertentu dan dari laporan tahunan 1912 dan menyebut tentang persedian untuk menubuhkan Sekolah Melayu yang pertama pada tahun 1913. Pada 1914 sekolah tersebut telah dibuka dengan keramaian penuntutnya 30 orang.

Pada 1916 laporan ada menyebutkan pertumbuhan penuntut sekolah tersebut meningkat 40 orang, dan ini terus berkembang sehingga sebelum perang. Selama pendudukan Jepun tidak ada rekod yang dicatatkan tentang perkembangan pelajaran di ketika itu.

Sehingga Perlembagaan 1959 digubal, Brunei telah menempuh era baru di bidang pelajaran dan seterusnya kerajaan mengarahkan penubuhan Suruhanjaya Pelajaran 1959 sehingga sekarang selama 70 tahun (sejak 1913) Pelajaran di Brunei berkembang dan dalam jangka ini tentu kita belum berpuas hati kerana sepatutnya kita sudah mempunyai universiti.



## Wakaf Kitab Quran

KUALA BELAIT. — Sebanyak 100 buah Kitab Suci Al-Quran telah diwakafkan kepada masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negeri Khamis lalu, 2hb. Jun oleh seorang peniaga Pakistan, Awang. Mohd. Ashraf bin Abdul Rahman Al-Haj.

Penyampaian wakaf tersebut diadakan dalam Majlis Malam Amal Belia Daerah Belait yang berlangsung di Masjid Mohammad Jamalul Alam di sini.

Kitab-Kitab Suci Al-Quran itu telah disampaikan sendiri oleh Awang Mohd. Ashraf kepada Kadi Daerah Belait, Awangku Jabaruddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh.

Juga ialah penyampaian derma bernilai $100.00 oleh Seksi Ugama Majlis Belia Daerah Belait kepada Tabong Derma Anak-Anak Yatim daerah tersebut.

Malam Amal tersebut didahului oleh ucapan Naib Yang Dipertua Majlis Belia Daerah Belait, Awang Jumat bin Haji Idris dan bacaan Quran beramai-ramai.

## Persediaan bagi peperiksaan G.C.E. London Jan. 1984

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Peperiksaan Brunei kini membuat persiapan untuk mengadakan Peperiksaan Sijil Am Pelajaran London dalam berbagai mata pelajaran di Peringkat 'O' dan 'A' yang akan diadakan di dalam bulan Januari, 1984.

Pemohon-pemohon untuk memasuki peperiksaan dalam Peringkat 'O' mestilah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya. Bagi calon-calon untuk memasuki peperiksaan dalam Peringkat 'A' pula mestilah lulus sekurang-sekurangnya tiga mata pelajaran G.C.E. peringkat 'O' dalam satu peperiksaan atau peperiksaan yang sebanding dengannya. Kelulusan ini hendaklah diperolehi sekurang-kurangnya dua tahun sebelum peperiksaan yang akan diambil itu.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Pejabat Lembaga Peperiksaan, di Kompleks Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas.

Bayaran peperiksaan hendaklah dibayar dengan wang tunai atau bentuk cek yang dibayar kepada Lembaga Peperiksaan Brunei dan bukannya kepada Universiti London.

Semua borang yang diisi dengan lengkap berserta dengan bayaran peperiksaan dan surat-surat akuan atau sijil-sijil hendaklah dihantar ke Pejabat Lembaga Peperiksaan waktu pejabat dari 2hb Julai hingga 30hb Julai.

Permohonan-permohonan yang dihantar lewat dari 30hb Julai tidak akan dilayan.

## J/K Sekolah Menengah Inggeris Sg.Kebun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Sekolah Menengah Inggeris telah dibentuk dalam satu mesyuarat baru-baru ini. Penubuhan jawatankuasa tersebut adalah bertujuan bagi mengeratkan hubungan di antara guru-guru dengan ibu bapa/penjaga penuntut. Ianya juga bagi menyelaraskan perkara-perkara berkaitan dengan kemajuan pelajaran, peraturan/disiplin, kelakuan, aktiviti-aktiviti dan perayaan sekolah.

Mesyuarat yang diadakan pada 22hb Mei lalu itu telah melantik Ketua Kampung Setia 'B', Awang Haji Musa bin Pengarah Haji Jair, sebagai Pengerusi sementara Ketua Kampung Saba Laut, Awang Haji Masri bin Raub sebagai Timbalannya.

Setiausaha ialah Awang Ramlee bin Haji Bakir sementara Timbalannya ialah Awang Haji Othman bin Pengarah Haji Untung. Pengetua sekolah tersebut, Awang Mohd Taib bin Sulaiman dilantik sebagai Timbalannya.

Pemeriksa Kira-kira ialah Pg Ismail bin Pg Haji Tengah dan Awang Morshidi bin Haji Akip sebagai Timbalannya.

Semua Penghulu dan Ketua-ketua Kampung di sekitar Mukim Kampung Ayer dan Lumapas, Timbalan Pengetua, Guru Kanan dan Ketua Guru Ugama dilantik sebagai ahli jawatankuasa.

## Mesyuarat P'jaya Polis di K.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mesyuarat bagi Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Polis Sabah, Sarawak dan Brunei kini sedang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah.

Mesyuarat tahunan kali kedua bagi tiga buah negeri di wilayah Borneo itu diadakan selama tiga hari bermula semalam.

Brunei di wakili oleh Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan Pengawal Imigeresen, Dato Paduka Abidin bin Abd. Rashid.

Mesyuarat yang pertama telah diadakan di Bandar Seri Begawan pada tahun lepas.

## RBA tambah nombor2 telefon

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untuk memberikan perkhidmatan yang lebih bagi kepada pelanggan-pelanggannya Syarikat Penerbangan Diraja Brunei menambah lagi lima talian telefon untuk tempahan.

Nombor-nombor telefon baru itu ialah 29721 hingga 25. Nombor telefon yang ada sekarang iaitu 26931 hingga 4 adalah tidak berubah dan ini menambahkan jumlah telefon kepada sembilan talian.

Telefon No 24931 digunakan untuk sambungan ke Pejabat Penjualan, ke wakil-wakil Tha/SAS dan Penerbangan Filipina. Sebagai tambahan pelanggan boleh menggunakan nombor-nombor ini untuk menghubungi Pengurus Tempahan melalui sambungan 46, Penyelia Tempahan Kanan sambungan 39 dan sambungan-sambungan ke kaunter penjualan tikit melalui sambungan-sambungan 25, 26, 27 dan 28.

Tempahan yang dibuat melalui telefon nombor 25931 tidak akan dilayan.

PUSAT ... tukangan ... kini ... bangunan ... rumah ... Serusop ... (gambar ...

Pusat ... berbagai ... pertukangan ... seperti ... juga songkok

Pusat ... tiap hari ... tara jam ... pagi dan ... petang.

## TAFA ... lawan ...

BANGAR ... Bolasepak ... burong ... (TAFA) ... pada awal ... satuan ... mengadakan ... Agungnya ... bertempat ... sidangan ... Temburong ... April, lepas ...

Dalam ... mereka ... Pegawai ... burong ... bin Mu... naong ... sementara ... gawai ... bin Pg ... selaku ...

Dalam ... tersebut ... mencadangkan ... menganjurkan ... bolasepak ... penduduk ... daerah ... pena ... hari ... Duli Yang ... Paduka ... Sultan ... tuan ... ke-37 ...

Persatuan ... cadang ... kan pert... antara ... sempena ... an ... akan ... Bangar ... 1984 ... mukim ... negeri ...

# ...NYERTAAN AKTIF PEMBORONG2 TEMPATAN DALAM BSP



...Musa yang diberi tugas mengendali kapal ...kunci jentera kapal tersebut daripada Kap-...

SERIA. — Tahun lepas sejumlah $185 juta telah dibayar kepada pemborong-pemborong tempatan dan ini menunjukan penyertaan yang aktif bagi mereka di BSP dan BLNG.

Dari jumlah tersebut sebanyak $22 juta telah diberikan kepada bumiputera yang mana melebihi tujuh kali ganda berbanding pada tahun 1978.

Perkembangan tersebut, menurut Alan Cray, PBA adalah selari dengan kehendak asal Kerajaan untuk melihat masyarakat Melayu mendapat pembahagian yang sejajar bagi semua perdagangan yang diborong di dalam negeri dengan jabatan-jabatan Kerajaan dan juga di BSP dan BLNG.

Menurutnya lagi, lebih dari 90 dari firma-firma yang dipunyai oleh bumiputera yang berdaftar sebagai pemborong telah dibenarkan oleh BSP. Dengan ini telah memberikan banyak peluang pekerjaan kepada mereka dengan memperolehi tawaran-tawaran yang menunjukkan kemampuan bagi menjalankan borongan yang memuaskan dan bernilai beribu hingga berjuta-juta ringgit.

Walau bagaimanapun kata Awang Alan Cray, semua borongan tersebut hanya boleh dijalankan dengan adanya kemahiran terutama dari segi teknikal dan kemahiran perniagaan penguasa itu sendiri.

Untuk membantu pemborong bumiputera dalam perkara ini, BSP telah menjalankan siri-siri seminar di dalam Bahasa Melayu dalam acara-acara perniagaan yang mana telah diadakan pada 28hb Mei lalu hingga 2hb Jun lepas.




## Kargo LNG ke-1500 ke Jepun Januari depan

SERIA. — Pada 14hb Januari 1984 depan, LNG Brunei akan terus melangkah di dalam perkembangannya apabila tenker Gadinia tiba pada hari yang ditetapkan itu, dan akan belayar dalam masa 20 jam kemudiannya dengan kargo LNG yang 1500 ke Jepun.

Rancangan ini adalah rancangan tahunan bagi Perjanjian Tahun ke 11 (ADP-11) yang dipersetujui di antara syarikat-syarikat Brunei, BSP, LNG Brunei dan BCL dan pelanggan-pelanggan di Jepun baru-baru ini.

Di dalam perundingan-perundingan tersebut syarikat-syarikat di Brunei telah diwakili oleh Nippon LNG, Tokyo.

Pada bulan Januari lepas satu perwakilan dari Nippon LNG telah membuat lawatan ke Brunei untuk menerangkan kepada perwakilan-perwakilan dari ketiga-tiga syarikat Brunei akan kemahuan-kemahuan pelanggan-pelanggan mereka bagi Perjanjian tersebut yang telah berjalan dari 1hb April 1983 hingga 31hb Mac 1984.

Di dalam rancangan yang dipersetujui sekarang, sebanyak 83 dari 155 kargo dijangkan untuk dihantar di dalam setengah tahun yang pertama di Tahun Perjanjian.

Bagi BSP dan LNG Brunei ini menunjukkan bahawa kadar penghasilan sehari bagi gas dan LNG di antara bulan Mei ke September akan lebih tinggi seperti rekod penghasilan dalam tahun 1979.

## ...borong tempatan diberi tugas ...dali 'Langkatak'

menyediakan kelasi-kelasi dan lain-lain perkara untuk mempastikan pelancaran operasi-operasinya.

Di bawah perjanjian tersebut Awang Muhammad juga bertanggungjawab bagi pemeliharaan kapal di mana kerja-kerja tersebut tidak dilakukan oleh pemborong yang terdahulu.

Kapal ini dahulunya diselenggarakan oleh BSO dan digunakan untuk mengangkat paip-paip pengerudian ke pelantaran-pelantaran luar pantai.

## Pelawat Jepun kunjungi LNG di Lumut

SERIA. — LNG Brunei baru-baru ini telah menerima kunjungan dari sekumpulan lapan orang ahli-ahli dari Kesatuan LNG Jepun yang dalam perjalanan pulang setelah menghadiri Kongres Antarabangsa LNG kali ketujuh di Jakarta.

Semasa berada di sini, pelawat-pelawat itu telah diberikan taklimat mengenai operasi-operasi masakini LNG Brunei dan sempat juga dibawa melawat di sekeliling logi.

Kongres LNG Antarabangsa yang diadakan di Senayan Convention Hall pada pertengahan bulan Mei itu telah dihadiri kira-kira 1200 orang peserta dari kesemua pelusuk dunia, sementara Brunei telah diwakili oleh Hendri Joubert, LM, Khaw Teo Giap, seorang jurutera kanan pejabat dan dua orang pegawai Kerajaan.

Di Samping bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman di bidang LNG, para peserta Kongres di Senayan, Jakarta itu juga telah membincangkan masalah-masalah dan pengeluaran-pengeluaran yang berkaitan dengan industri-industri LNG.

Di sepanjang perundingan itu, LNG Brunei juga sempat mempertunjukkan operasi-operasi di **Brunei.**

## Tayangan Berita BSP

SERIA. — Edisi ketiga Berita BSP kini sedang ditayangkan di Ibu Pejabatnya di sini sehingga 3hb Jun lalu.

Topik utama dalam edisi ini ialah taklimat oleh Alan Cray, Penasihat Perniagaan Bumiputera (PBA) mengenai pemborong-pemborong bumiputera dan usaha syarikat untuk memajukan mereka.

Lain-lain topik di dalam edisi ini termasuklah temuramah dengan Pehin Datu John Lee, bekas Pegawai Kewangan Negara dan Pengarah BSP dan **juga komputer-komputer dalam projek-projek sekolah.**

## ...pembaikan ke atas ...ampung SBM 2

membuat minyak mentah ke tenker-tenker hingga ke 313,000 tan.

Menurut Leen Telle, SES/42 tidaklah lengang sepanjang masa dan bahagiannya sekarang sedang mengerjakan sebilangan pembahagian kerja yang diserahkan kepada mereka.

Sementara, pelampung A LNG Brunei sedang menjalani baik-pulih secara besar-besaran dan juga di peringkat akhir penyiapannya. Bahagian ini di masa yang sama juga menjalankan kerja-kerja pembinaan ke atas pasangan derik E25 dan baik-pulih besar-besaran ke atas DES 5.



Inilah tengker Gadinia yang akan membawa kargo LNG yang ke-1500 ke Jepun awal tahun depan.

## SUKAN PELITA

Kelolaan:
Manaf Rahman



KONTINGEN Brunei yang diketuai oleh Awang Talib Haji Berudin berarak gagah mendahului negara-negara lain masuk ke Stadium.

# Sukan SE ke-12 dirasm

SUKAN SEA ke-12 dirasmikan oleh Presiden Republik Singapura C.V. Devan Nair dalam suasana dingin disebabkan oleh hujan lebat dan ribut petir yang melanda di saat-saat akhir acara.

Sebaik sahaja hujan mula reda pada pukul 6.30 petang, Presiden C.V. Devan Nair dengan diiringi oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan SEA ke-12 mula masuk ke Stadium Kebangsaan Singapura dengan disambut oleh bunyi nafiri dan selepas itu dengan lagu kebangsaan Singpura "Majulah

Singapura" ... oleh 2.000 ... koir yang ... puteh.

Acara ... dimeriahkan ... keberanian ... Gerak ... Tentera ... jun dari ... Tentera ... jun dalam ... dengan ... negara-negara ... bil bahagian ...

Apabila ... jun payung ...

(Lihat ...

Sebelum ini Pasukan Bolasepak kita telah berjaya menewaskan pasukan Burma 2-1 di Stadium Kebangsaan Singapura dalam pertemuannya yang pertama Ahad 29hb. Mei.

Brunei berjaya memecahkan kubu Burma di minit ke-20 hasil pertama tandukan kencang Sahari Timbang melalui tendangan sudut. Brunei mengukuhkan kedudukannya di minit ke-26 masa kedua melalui Majidi Ghani setelah berjaya menewaskan dua orang pertahanan Burma.

Gol tunggal Burma dijaringkan oleh Aung Kyaing dalam minit ke-34 separuh masa kedua.

Sementara itu dalam acara sukan yang lain, pasukan kita terus mengalami kekalahan. Pasukan Badminton kita tewas di tangan Singapura 3-0, Hoki tewas 6-0 di tangan Singapura, Sepak Takraw tewas 3-0 oleh Malaysia dan Bolatampar juga tewas 3-0 di tangan Singapura.



PASUKAN Bolatampar kita ketika menentang Singapura di Dewan tertutup Delta. ...



GOL pertama Brunei hasil tandukan kencang Sahari Timbang dalam perlawanan dengan Burma.



PASUKAN Hoki Brunei ketika menentang Singapura di Stadium Jalan Besar. ...



## SUKAN SEA KE 12
## 28 MEI — 6 JUN 1983

(Dari muka 18)

... Stadium ... Lagu Selamat ... ke Singapura mula ... di udara dan ... kelihatanlah ... serta para ... olahragawan ... lain-lain kon- ... ke stadium ... oleh lebih ... penonton.

... masuk ke ... diikuti ... Indonesia, Kam- ... Malaysia, Filipina, ... Singapura yang ... dan peserta ... berjumlah kira- ... orang.

... perkataan "Saya ... sukan SEA ke-12 ... oleh ... C.V. Devan Nair ... tiupan nafiri ... bendera SEA ... meriam ...

Acara petang itu kemudiannya diikuti dengan menyalakan obor sukan, melepaskan 40,000 belon yang berwarna-warni serta pertunjukan kebudayaan oleh beribu-ribu orang belia dan murid-murid sekolah Singapura.

Sebagai tradisi sebelum acara pertandingan dimulakan, bendera-bendera negara yang mengambil bahagian diarak dan kumpulkan bagi membacakan ikrar sukan dan penghakiman, agar semuanya akan dipatuhi, diadili dengan seadil-adilnya dengan penuh semangat kesukanan.

Dalam perutusannya di buku kenang-kenangan sukan SEA ke-12, Presiden C.V. Devan Nair antara lain berharap agar sukan itu tidak dicampur gaul politik, kerana apabila politik memasuki arena sukan, makna sukan itu tidak berguna lagi.

Laporan: Ahmad Ghazali
Gambar2: Ak Bakar PO



PRESIDEN Republik Singapura C.V. Devan Nair serta para tetamu kehormat berdiri hormat ketika lagu MAJULAH SINGAPURA berkumandang di Stadium Kebangsaan Singapura di upacara rasmi.

# Kampung Sukan dirasmi

KAMPUNG SUKAN bagi kejohanan Sukan SEA ke-12 telah dirasmikan pada Rabu 25hb Mei oleh Timbalan Perdana Menteri Kedua (Hal Ehwal Luar Negeri) Singapura Tuan S. Rajaratnam. Kampung Sukan yang boleh menempatkan kira-kira 2600 orang pegawai dan olahragawan itu terletak di Institut Teknologi Nanyang.

Pembukaan rasmi Kampung Sukan itu dihadiri oleh wakil-wakil kedutaan negara yang mengambil bahagian serta pegawai-pegawai sukan masing-masing.

Acara kemuncak ialah menyalakan obor sukan SEA ke-12 yang mana telah disempurnakan oleh Tuan S. Rajaratnam, dan diakhiri dengan melepaskan beribu-ribu belon.



SEBAHAGIAN dari lebih 50,000 orang penonton dengan menggunakan payung ketika menyaksikan pembukaan rasmi Sukan SEA ke-12.



TUAN S Rajaratnam menyalakan obor sukan bagi merasmikan Kampung Sukan SEA ke-12.



GABUNGAN 800 orang penuntut-penuntut sekolah menengah di Singapura ketika mempersembahkan acara kebudayaan.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARA...

## Di Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai JURU X RAY / PENGKAJI GAMBARGEMA di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Tangga Gaji :**

M. 11 — $1670-$2820 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon mestilah mempunyai kelulusan Diploma of College of Radiographers, United Kingdom dan Diploma in Medical Ultrasound dari United Kingdom atau kelulusan-kelulusan yang sebanding.

**Umor :**

Di bawah 40 tahun.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 23hb Jun, 1983.

(E/1095/77)

(Bil. : 102/1983.)

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the earth filling and levelling work on the hatchery site at Mentiri Agricultural Station.

2 Details could be obtained and site inspection could be arranged by contacting the Agricultural Officer (Livestock), Veterinary Clinic, Bandar Seri Begawan (Tel. No: 22296).

3 Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked "Department of Agriculture — Earth filling and levelling work — Confidential" to the Chairman, Tenders Board, Brunei, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 20th June 1983.

4 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

---

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer on the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Monday 20th June 1983 for the

SUPPLY OF FARM MACHINERY SPARE PARTS (MISCELLANEOUS).

to the Department of Agriculture, Brunei.

2. General Conditions of the Tender and Documents are obtainable from Agricultural Officer (Engineering), at the Agricultural Workshop, Kilanas, Mile 10, Jalan Tutong, Tel. No. : 61352/353/354.

3 Approximate date of delivery to Agricultural Workshop, Kilanas must be stated.

4 Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:— CONFIDENTIAL—SUPPLY OF FARM MACHINERY SPARE PARTS (MISCELLANEOUS) AGRICULTURE DEPARTMENT.

5 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**LISTS OF MACHINES**

1. Caterpillar D6C Tracklayer
2. JCB Excavator Loader
3. Class Combine Harvester
4. Massey Ferguson Tractor
5. FORD Tractor
6. Yanmar Tractor
7. Yanmar Powertiller
8. Kubota Powertiller
9. Yanmar RS1500KK Rotavator
10. Howard Rotavator
11. Howard Rotaslasher
12. Lister Engine (6" Seltorque Pump and 4" Spate pump)
13. Petter Engine (3" Spate Pump)
14. Perkins Engine (6" Spate Pump)
15. Beaver Mowing Machine
16. Hayter Mowing Machine
17. Masport Mowing Machine
18. Stihl SG.17 Mistblower
19. Stihl Chainsaw
20. Kioritz DM-9 Mistblower
21. Homelite Chainsaw

**VEHICLES**

22. Toyota Land Cruiser (Station Wagon and Pick-Up)
23. Nissan Patrol (Station Wagon and Pick-Up)
24. Suzuki Jeep
25. Isuzu Truck
26. Hino Truck
27. Bedford Truck
28. Fuso Truck
29. Toyota Dyna Pick-Up
30. Daihatsu V-32H Pick-Up
31. Mazda E2000 Pick-Up
32. Mc Connel P.A. 22
33. Mc Connel P.A. 8
34. Outboard Engines Viz Tohatsu, Johnson, Mariner and Yamaha.

## KENYATAAN TAWARAN PEJABAT DAERAH BELAIT

TAWARAN-tawaran ada-lah dipelawa dari Pembekal-pembekal yang berkenaan untuk membekal dan menghantar BATU-BATU JENIS CRUSHER RUN kepada Jabatan Daerah Belait bagi satu tempuh sehingga 30hb Nobember 1983.

2. Pembekal-pembekal ada-lah dikehendaki menyatakan harga-harga batu termasuk-lah pengangkutan ke tempat-tempat penaruhan:—

a) Kawasan penaruhan di Lumut.

b) Kawasan penaruhan di Bengkel Jabatan Daerah Belait, Jalan Setia Di-Raja, Kuala Belait.

3. Keterangan-keterangan lanjut mengenai penghantaran batu tersebut boleh-lah didapati daripada Pejabat Daerah Belait (di Bahagian Teknikal) pada bila-bila masa pejabat dibuka sebelum tarikh tawaran ditutup.

4. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Kewangan Negara, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20hb Jun 1983. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup dengan ditanda di luarnya:—

"TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN DAN MENGHANTAR BATU-BATU JENIS CRUSHER-RUN KEPADA JABATAN DAERAH BELAIT BAGI TAHUN 1983".

5. Tawaran-tawaran yang diterima selepas dari tarikh dan masa yang ditentukan itu tidak akan dilayan.

6. Kerajaan tidak terikat menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, tingkat bawah, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Brunei Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Isnin, 13hb. Jun, 1983, jam 1.00 tengah hari untuk membekalkan alat-alat sains yang berikut bagi Sekolah Menengah Agama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Brunei:—

i) Bahagian Alat Fizik; dan
ii) Bahagian Alat-Alat Kaji Hayat

2. Wang deposit mengenainya hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Bahagian Kewangan, tingkat pertama, bilik No. 202 sebanyak $200.00 (dua ratus ringgit) pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka sehingga hari Sabtu, 11hb. Jun, 1983 jam 3.00 petang.

3. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran adalah diminta menyertakan katalog jenis alat-alat tersebut (bahagian alat-alat yang ada dalam katalog) serta menyatakan butir-butir yang berikut:—

i) Tarikh sampai ke Brunei
ii) Harga alat-alat tersebut
iii) Lain-lain hal jika ada.

4. Butir-butir dan borang tawaran serta penerangan-penerangan lebih lanjut mengenai perkara ini boleh dilihat dan diperolehi dari Pengetua Sekolah Menengah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Batu 1¼, Jalan Tutong, Brunei.

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang lebih murah atau sebarang tawaran mengenainya.

## KANTIN POLIS DIRAJA BRUNEI

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada Pemborong-pemborong Kantin bagi memborong Kantin Polis bagi menyediakan barang-barang keperluan harian (Barang-barang Makan) bagi Kantin-kantin Polis seperti berikut:—

1. Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong, Brunei:—
   a) Ibu Pejabat.
   b) RU HQ.
   c) Pusat Latihan Polis Gadong.
   d) Pancaragam Polis.
2. Polis Kawalan Diraja.
3. Polis Lapangan Terbang Berakas dan Balai Polis Berakas.
4. Polis Laut, Balai Polis Muara dan Pelabuhan.
5. Ibu Pejabat Polis Daerah Brunei dan Balai Polis Kampung Ayer.
6. Balai Polis Tutong.
7. Balai Polis Lamunin.
8. Balai Polis Limau Manis.
9. Balai Polis Sengkurong.
10. Balai Polis Temburong dan Special Branch Temburong.

Pemohon-pemohon hendaklah menghantar tawaran-tawaran dengan mengisikan borang yang boleh diperolehi di Ibu Pejabat Polis Daerah Brunei pada masa-masa bekerja dan hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah tidak lewat pada hari Sabtu 25hb Jun, 1983 jam 4.30 petang.

Borang-borang yang telah diisikan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang diseal.

Pegawai Pemerintah Daerah Polis, Brunei
c/o Ibu Pejabat Daerah Polis, Brunei.

## SUPPLY OF DOG FOOD TO THE GURKHA RESERVE UNIT

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, State of Brunei for the following : —

a. BOUNCE , TINNED DOG MEAT. 765 gms tins. Packed 12 tins per carton. Quantity 1280 cartons.

b. SPILLERS SHAPES DOG BISCUITS. 25 Kgs Bags. Quantity 240 bags. To be packed in strong 3 ply bags to prevent spillage and infestation.

2. Delivery is required in 4 instalments to arrive at Muara Port at 3 monthly intervals. The first instalment by 1st January, 1984.

3. All prices to be quoted on CIF BRUNEI.

4. Substitution is NOT accepted..

5. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication of the name of the tenderer. The envelope should be marked "Supply of Dog Food to the Gurkha Reserve Unit" in the top left hand corner.

6. Tenders should be placed in the Tenders Box situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 13th June 1983.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept tre lowest or any tender.

BRUNEI

## SALE OF REDUNDANT PIP... AT SUNGAI TUJUH B.S.P. TENDER SSU ...

| | | | | Nom. Size |
|---|---|---|---|---|
| Item 1 | — | Approx. | 35,350 ft. | 4" |
| Item 2 | — | Approx. | 35,350 ft. | 6" |
| Item 3 | — | Approx. | 35,350 ft. | 8" |
| Item 4 | — | Approx. | 35,350 ft. | 12" |
| Item 5 | — | Approx. | 38,950 ft. | 6" |

NOTE :

1. Above items run from West bank of ... the Brunei/Sarawak border at Sunga... are laid on surface. Item 5 is buried.
   Please contact : —
   Supplies Department/Disposal ...
   Brunei Shell Petroleum Compa...
   Seria.
   (SSU/15, Tel. NIA 536 or 4...
2. Above items are sold on an "as is, whe... purchaser being responsible for their ... ing all the pipes supports.
3. Tenderers shall quote the time require... moval of the pipelines, supports and ... level and tidy surface.
4. The Closing Date for receipt of tende... hours on 4th July. 1983. Tenders shou... sealed envelopes to :—
   Chairman,
   Tenders Board,
   Brunei Shell Petroleum Compa...
   Seria, State of Brunei.
   "Endorsed, B.S.P. Tender Notice N...
5. The submission of a tender shall be de... acceptance by the tenderer of all the ... All other terms of tendering are as ... obtained on request at the SSU/15 office.

## B.S.P. TENDER SSU ...

Item 1 — 1 Unit Refrigerated van ... Trailer KA 9428.

Item 2 — 1 Lot Diassembled pedesta... Crane, consisting of TU-flo ... gine; boom; hook; body and ...

Item 3 — 1 Unit 'Barfield' B9517/55 D... (Deteriorated condition).

Item 4 — 1 Unit Electrical floor ... two brushes 'Sturdiluxe' Serial N...

Item 5 — 2 Units Generator set AC 15 ... ter' Engine Driven (Deter...

Item 6 — 4 Units 'Capstan' motor (De...

Item 7 — 12 Pcs Damaged brass ... vessels (Approx. total weight ...

Item 8 — 1 Lot Navigation Aids and ... spares for S61 Helicopter co...

Item 9 — 1 Units 'New-Mar' Helicopter ... c/w hose reel, fuel gauge, ... driven) 3 skid mounted ... gallons) Good condition.

Item 10 — 1 Set Helicopter Jet A-1 'M...

Item 11 — 1 Lot Helicopter Avionics ... consisting of 9 items.

Note : Item 1 — can be viewed at SSU ... Yard, Seria.
Items 2/11 — can be viewed at S... Yard.

Please contact :
Supplies Department/Disposal Se...
B.S.P. Co. Ltd., Seria,
(SSU/15, Tel. No. 536 or 403 N...

1. The closing date for receipt of Tenders ... on 11th July, 1983. Tenders should be ... sealed envelopes to : —
   Chairman,
   Tender Board,
   Brunei Shell Petroleum Compa...
   Seria, State of Brunei.
   "Endorsed: B.S.P. Tender Notice ...
2. The submission of a tender shall be de... acceptance by the Tenderer of all the ... All other terms of tendering are as us... tained on request at the SSU/15 office.

## NOTIS TAWARAN DBP BIL... MENCETAK MAJALAH BA...

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk mencetak majalah bulanan jabatan ini, BAHANA.

1 Penentuan-penentuan (specifications) mengenai buku-buku ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada masa-masa bekerja.

2 Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjuru sampul surat hendaklah dibubuh perkataan-perkataan: TAWARAN MENCETAK DBP BIL.: (3) 1983, MAJALAH BAHANA.

3 Semua tawaran hendaklah dima... Tawaran ... luar ... wangan ... kat ... usaha ... Seri Be... kepada

4 Kera... pada ... pada ... rendah

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## …ARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN-PERBEKALAN NEGARA

…/1983
…akan di- …Lem- …di Peja- …Bandar …12.00 …Isnin 20hb …membekalkan …tersebut …Jabatan Stor- …Negara,

…GRAVEL …OR 14T …4'6" 5'

…mengenai …diper- …Stor-Stor …Negara, Batu …semasa …

…/1983
…akan di- …Lem- …di Peja- …Bandar …12.00 …Isnin 20hb …membekalkan …tersebut …Jabatan Stor-

Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF "NORITAKE" MELAMINE WARE COLOUR 1000.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 42/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20hb Jun 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF RESPIRATORS FOR CHLORINE OPERATIVES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 43/1983

TAWARAN-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20hb Jun 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF HYDROLOGICAL EQUIPMENT (HYDROLAB).

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## MEDICAL DEPARTMENT
### TENDER NOTICE FOR THE YEAR 1983

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the State Financial Office, Bandar Seri Begawan, Brunei by 12.00 noon of Monday 4th July, 1983 for SUPPLY OF DRUGS AND MEDICINES TO GENERAL HOSPITAL, B.S.B. BRUNEI FOR 1983. Tenders received after this time will be rejected.

2. That tenders may only be accepted from authorised Pharmaceutical Distributors licenced under the Poisons Enactment.
3. That all drugs supplied must be at least TWO YEARS to expiry date.
4. That tenders may submit more than one brand of any item provided that the tendered brands are within his/her authorised distribution lines.
5. That all tenders must be accompanied by:—
   a) Sample of product offered
      i.e. 10 tablets or capsules.
      60ml if liquid.
      1 vial or ampoule if injections
      10gm if creams or ointments.
   b) Information leaflet relating to each item must be submitted.
6. Tenderers must indicate name of drug offered, its country of origin and name of manufacturer.
7. Successful tenderers will be required to store stocks of drugs is an airconditioned room.
8. Tenders must state expected delivery period of each item tendered for.
9. The Contract may be terminated by either party by giving one month's notice in writing.
10. Tenders must indicate packing size of items offered.
11. List of items for tender for the above department can be obtained from Account Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.
12. Tenders must placed in plain sealed envelope on the face of which should be written SUPPLY OF DRUGS AND MEDICINES TO GENERAL HOSPITAL, B.S.B. BRUNEI FOR 1983. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
13. Tender deposit will be $500.00.
14. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEDESTRIAN LANES AT BRIDGES MILE 14 AND MILE 26 JALAN TUTONG

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the State Secretariat Office, Ground Floor, Secretariat Building, Banlar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Contractors Class AX and with suitable building and civil engineering work experience, up to 12.00 noon Monday, June 27, 1983 for the Construction and Completion of:

"PEDESTRIAN LANES AT BRIDGES MILE 14 AND MILE 26 JALAN TUTONG."

2. Tender documents can be obtained, during normal office hours, from the office of SPECS (Singapore Engineering and Consultancy Services) at Signal Station, Jalan Pelumpong, Muara, on payment of a Tender Deposit of $500.00 in the form of Bank Draft in favour of the Brunei Government. The Tender Deposit will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of bona-fide tender and the return of issued Tender Documents and Drawing to the Engineer's Office.
3. Before the Tender Documents will be issued, the Tenderer shall also submit the following documents to the Consulting Engineers:
   (i) Documentary Evidence of PWD Registration Status
   (ii) A Banker's reference letters from a bank established in Brunei, on the Tenderer's financial status and confirming the Bank's willingness to provide a Performance Bond of 10 percent of Contract Value in the event of award of Contract.
4. Tender must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PEDESTRIAN LANES AT BRIDGES MILE 14 AND MILE 26 JALAN TUTONG."
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## CIVIL AVIATION DEPARTMENT
### TENDER NOTICE

TAILORING FOR AIRPORT LABOURER'S UNIFORMS

1. TENDERS should be placed in the Tenders Box, situated the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Monday 20th June 1983 for:

| | | |
|---|---|---|
| **i) Tailoring and Supply of Decron Materials** | | |
| Overseer Uniform short sleeve with trousers | $............ | per pair |
| Chief Traffic Hand/Mandor Uniform, short sleeve with trousers | $............ | per pair |
| Groundman/Cleaner Uniform, short sleeve with trousers | $............ | per pair |
| Lady Cleaner Uniform, short sleeve with trousers | $............ | per pair |
| Traffic Hand Uniform, short sleeve with trousers | $............ | per pair |
| Sub-Overseer/Mandor Uniform, short sleeve with trousers | $............ | per pair |
| Driver/Fitter/Mechanic Uniform/Overall, short sleeve with trousers | $............ | per pair |
| **ii) Workmanship of Green Cotton Drill** | | |
| Groundman/Gardeners Uniform, short sleeve with trousers | $............ | per pair |
| Airfield Labourers Uniform, short sleeve with trousers | $............ | per pair |

2. All unioforms must be tailored within reasonable time and to the satisfaction of the Director of Civil Aviation. If the uniforms are not done to his satisfaction, they may be returned to the contractor who will make the necessary improvements with extra charge.
3. The period of contract will be for one year commencing from July, 1983. The contract may be terminated by either party giving one month's notice in writing.
4. Tender deposit will be $200.00, refundable to the unsuccessful tenderers upon receipt of the official receipts.
5. Tender must be placed in plain and sealed envelope without any indication of the name of the tenderer and addressed to the Chairman, Tenders Board and clearyl marked:
   "TAILORING FOR AIRPORT LABOURERS UNIFORMS"
6. The Government does not bind itself to accept the lowest of any tender.

## …WARAN JKR KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

*…tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam …Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai …ngan Negara di Tingkat Bawah Bangunan …Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Bega…tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari …(pada tarikh-tarikh yang ditetapkan).*

*…tawaran yang diterima lewat dari tarikh …yang ditetapkan tidak akan dilayan.*

*…tawaran hendaklah dihantar dalam sam…yang bertutup ditulis dengan nama pro…yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti …dan ditujukan kepada Pengerusi Lem…Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, …Seri Begawan, Brunei.*

*…dokumen tawaran dan penerangan-pene…yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi …Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*

*…tawaran adalah dikehendaki dan akan …kepada setiap pemborong yang tidak …setelah menghantar tawaran yang jujur …(bona-fide tender).*

*…dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan …pemborong dikehendaki membawa dokumen …menunjukkan bahawa adalah pemborong yang …di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang …*

*…tawaran mestilah dihantar dengan meng… borang-borang tawaran yang telah … Tawaran yang mempunyai pengecuali… tidak akan dilayan.*

*…Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pa… Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan …Brunei tidak semestinya menerima tawaran… yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### SERIAL No. KB. 46/1983

…tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pem… 'A' untuk:

"MEMBERSIH DAN MENIMBUK DI …ONG KECIL PERPINDAHAN KUALA …LAIT."

…dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan …Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 …9hb Jun, 1983.

…: 13hb Jun, 1983.
…tawaran: $10,100.00.

### SERIAL No. KB. 47/1983

…tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pem… AX untuk:

"PEMBINAAN TAMBAHAN BILIK …AH BAGI SEKOLAH MELAYU LUMUT, …AH BELAIT."

…dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan …Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 …9hb Jun, 1983.
…tawaran: $600.00.
…: 13hb Jun, 1983.

### SERIAL No. KB. 48/1983

…tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pem… AX untuk:

"PEMBINAAN LONGKANG R.C. SE… JALAN CAREY DARI BATU 1 … KE PADANG K.B.R.C."

…dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan …Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 …9hb Jun, 1983.
…: 13hb Jun, 1983.
…tawaran: $600.00.

## ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT — TENDER NOTICES

### TENDER No. 49/1983
SUPPLY OF BROOMWADE COMPRESSOR SPARES.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 27th June 1983.
3. Tenders documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mon to Thu. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
4. Deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tendered.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 50/1983
SUPPLY OF BOAT SPARES — WASPADA CLASS AND LANDING CRAFT.

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 4th July 1983.
3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
4. Deposits of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderer.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 51/1983
SUPPLY OF MISCELLANEOUS GENERAL STORES.

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 4th July 1983.
3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
4. Deposits of N/A. will be refunded to all unsuccessful tenderers.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 52/1983
SUPPLY OF BOAT SPARES FOR PERWIRA CLASS.

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 4th July 1983.
3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
4. Deposits of N/A. will be refunded to all unsuccessful tenderers.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 53/1983
SUPPLY OF VEHICLE BATTERIES.

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 4th July 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
4. Deposits of $300.00 will be refunded to all unsuccessful tenderers.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL. 191 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN PADANG PERMAINAN DI SEKOLAH PUSAR ULAK, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9hb Jun 1983.

Tarikh tutup: 13hb Jun 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 192 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk

PROJEK: "PEMBINAAN 12 UNIT RUMAH PANGSA KELAS 'E' DAN 12 UNIT BARIK STANDARD DI ISTANA EDINBURGH, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9hb Jun 1983.

Tarikh tutup: 13hb Jun 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 193 TAHUN 7983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: PEMBINAAN DEWAN SERBA GUNA J.K.R. DI JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 194 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN 1 UNIT RUMAH KELAS 'F' BAGI BIDAN DI KAMPUNG SUNGAI BULOH (MENTIRI), JALAN KOTA BATU, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 195 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENGUBAH SUAI BAHAGIAN LUAR JENIS BLOCK B P.W.D. No. 317 RUMAH PANGSA TAPAK KUDA DI JALAN TAPAK KUDA, BANDAR SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 196 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: MEMBAIKI BAHAGIAN LUAR, MENCAT SEMULA 4 BLOK RUMAH PANGSA 12 UNIT YANG ADA DI JALAN ISTANA DARUL HANA, TUTONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 197 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BAHAGIAN LUAR, 12 UNIT RUMAH PANGSA 2 BLOK (BLOK A DAN B), JALAN ISTANA DARUL HANA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 198 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: MEMBAIKI BAHAGIAN LUAR DAN MENCAT SEMULA RUMAH GURKHA KELAS 'C' DAN 'F' DI JALAN ISTANA DARUL HANA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 199 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA JABATAN KENDERAAN DARAT, JALAN GADONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — KENYATAAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL. 200 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: KERJA-KERJA MEMBAIKI AM, MENCAT SEMULA, PEMBINAAN PAGAR DECORATIVE DAN PINTU PAGAR M. S. DAN MENGATAP SEMULA BANGUNAN PEJABAT HAL EHWAL UGAMA, DI DAERAH TUTONG, TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 201 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN DEWAN SOSIAL YANG DICADANGKAN, BLOK DAPOR DAN KERJA-KERJA TAMBAHAN DI S.M. MATA-MATA, JALAN GADONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 202 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI ALAT-ALAT KELENGKAPAN GYMNASTIK DAN ATAP-ATAP BAGI GYMNASIUM MMPSBS DI JALAN MUARA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 203 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN 3 BUAH STOR STANDARD YANG BARU BAGI SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI MASNA (BATU 1¼, JALAN TUTONG), SEKOLAH UGAMA SERUSOP DAN SEKOLAH UGAMA SENGKURONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 204 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: CADANGAN STOR STANDARD YANG BARU BAGI SEKOLAH UGAMA PG ANAK PUTERI NORAIN, TUTONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 205 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN TAMBA[illegible] 3 BILIK DARJAH (JENIS BE[illegible] BAGI S.M. PANCHOR MURAI [illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-luk[illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei [illegible] hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.0[illegible]

### BIL. 206 TAHUN 19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa da[illegible] borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN BLOK SE[illegible] KAT (12 BILIK DARJAH) YA[illegible] KAN DAN KERJA-KERJA TA[illegible] S.M. ANGGEREK DESA, BERAK[illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-luk[illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei h[illegible] hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983
Cagaran tawaran: $500.00 + $10[illegible]

### BIL. 207 TAHUN 19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa da[illegible] borong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN R.C. RE[illegible] DI JABATAN HAL EHWAL UG[illegible] SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-luk[illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei h[illegible] hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983
Cagaran tawaran: $100.00 + $10[illegible]

### BIL. 208 TAHUN 19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa da[illegible] borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGANAN KLI[illegible] BANDAR YANG STANDARD [illegible] MAH DI KAMPUNG SUNGAI [illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-luk[illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei h[illegible] hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983
Cagaran tawaran: $500.00 + $10[illegible]

### BIL. 209 TAHUN 19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa da[illegible] borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "TAMBAHAN KE K[illegible] BORAN DI SUNGAI PANGA [illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-luk[illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei h[illegible] hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.0[illegible]

### BIL. 210 TAHUN 19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa da[illegible] borong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN ME[illegible] MASJID YANG ADA DI KAMP[illegible] NIS, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-luk[illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei h[illegible] hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 211 TAHUN 19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa da[illegible] borong Kelas "A" untuk:

PROJEK: "CADANGAN KENDE[illegible] PUSAT PENYIMPANAN SE[illegible] PLEKS JURUTERA GARRISO[illegible] PERINGKAT I-A."

(Proposed Motor Transport, C[illegible] Garrison Engineers' Complex, P[illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-luk[illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei h[illegible] hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun 198[illegible]
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $[illegible]

### BIL. 212 TAHUN 19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa da[illegible] borong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN PAGA[illegible] BAGI DEWAN KEMASYARAK[illegible] TEMBURONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-luk[illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei h[illegible] hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 198[illegible]
Cagaran tawaran: $100.00 + $[illegible]

### BIL. 213 TAHUN 19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa da[illegible] borong Kelas 'AX' dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN KLI[illegible] LUAR BANDAR (STANDAR[illegible] AN DI JALAN SUBOK, BRU[illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-luk[illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei h[illegible] hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 19[illegible]
Cagaran tawaran: $500.00 + $[illegible]

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

...permohonan adalah dipelawa daripada ca-... dari rakyat Duli Yang Maha Mulia ... Sultan dan Yang Dipertuan Negeri ... jawatan-jawatan kosong yang berikut ...-Perkhidmatan Kerajaan.

...PEREKA (Radio Televisyen Brunei)

...: C.1 EB. 2 — $1110-$685 sebulan. Gaji ... bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

... dan Pengalaman :

... hendaklah dapat menunjukkan bukti-bukti ba-... berpandukan pada contoh-contoh. Kelulusan ... G.C.E. 'O' Level yang baik dalam mata pela-... adalah diperlukan. Sekurang-kurangnya 4 ... pengalaman sebagai Pereka Rendah sama ada dalam ... Gerafik atau Rekabentuk Set.

...-tugas :

... REKABENTUK SET

... rajah-rajah untuk set dan lukisan ... 'elevations and structural details' seperti ... diarahkan oleh kakitangan kanan.

... penyelidekan asas untuk rekabentuk-... rekabentuk.

... Pereka dalam semua peringkat-pering-... kerjanya.

... dan membina model untuk rekabentuk ... yang tertentu.

... kerja rekabentuk set untuk satu pe-... kecil.

... GERAFIK

... rekabentuk gerafik TV.

... kerja-kerja membuat illustrasi, mon-... tajuk-tajuk atau model untuk rancangan TV.

... jenis permukaan dan cetakan dengan meng-... mesin hot press atau letterset atau lain-... jenis kerja penghurufan.

... penyelidekan asas untuk kerja-kerja ... TV illustrasi/gerafik-gerafik Berita.

...TONG FILEM (Radio Televisyen Brunei)

...: E. 2-3 EB. 4 — $470-$700 sebulan. Gaji ... bergantung kepada kelayakan dan pengalaman. ... Tingkatan III aliran Inggeris dan 3 tahun pengala-...

... dan Pengalaman :

... dalam memotong filem-filem di RTM dan ... yang dapat di-buktikan dalam pekerjaan ini.

...-tugas :

...jawab bagi menyunting dan memotong filem-... yang dikehendaki oleh Jawatankuasa Penapis ... potongan-potongan ini sebelum ... diedarkan ke Perkhidmatan Televisyen untuk ... Ini merupakan pekerjaan yang bertanggung-... oleh kerana RTB akan mengalami ke-... berat jika potongan-potongan yang tepat ... tidak dibuat.

...MESIN TINGKAT KHAS (Radio Televisyen)

...: D.2 EB. 3-4 — $515-$1175 sebulan. Gaji ... bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

... dan Pengalaman :

... pengalaman sekurang-kurangnya selama 6 ... seorang mekanik mengendalikan semua jenis ... yang digunakan oleh RTB. Mempunyai rekod ... bekerja yang baik yang disahkan oleh majikan ... yang lama adalah penting. Mempunyai ... kelayakan mekanikal dan pengalaman yang ber-... adalah merupakan satu keistimewaan.

...-tugas :

...jawab kepada Jurutera Mekanikal dan Per-...perkhidmatan Umum RTB atau lain-lain pega-... menjalankan kerja-kerja memeriksa ... RTB, rawatan tetap, kerja-kerja membaiki dan ... mengawasi satu pasukan kecil Mekanik.

...RAWAT KESIHATAN SEKOLAH (... dan Kesihatan)

...: M. 4 EB. 5 — $745-$1190 sebulan. Gaji ... bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

... dan Pengalaman :

... mempunyai Sijil S.R.N. atau yang sebanding ...nya.

... dalam kerja-kerja Kesihatan ke Sekolah-... merupakan suatu kelebihan.

... Bahasa Melayu merupakan suatu ke-...

...-tugas :

... ujian "routine" dan lain-lain tugas ... Pengawai Kesihatan Sekolah-Sekolah.

... yang berjaya mestilah bersedia berkhidmat di ... sahaja di dalam negeri.

... LUAR (Pejabat Daerah Tutong)

...: D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1190 sebulan. ... bergantung kepada kelayakan dan penga-...

... dan Pengalaman :

... tidak kurang dari 25 tahun.

... sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang ... dengannya.

... yang tidak mempunyai kelulusan di (b) ... mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam tugas-tugas mengawas dan mengawal pekerja-pekerja (buruh), pekerja-pekerja luar bandar serta boleh membuat laporan dan rekabentuk yang mudah akan juga dipertimbangkan.

d) Pemohon-pemoron hendaklah sanggup bertugas di kawasan-kawasan pendalaman serta mengetahui kampung-kampung dalam Daerah Tutong.

e) Pernah bertugas sebagai Pegawai Kecil sekurang-kurangnya selama lima tahun dalam tugas-tugas di (c) adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Calon-calon yang berjaya akan bertanggungjawab mengawas pekerja-pekerja luar bandar, membuat laporan dan rekabentuk dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan tanggungjawab Pejabat Daerah.

F. PEMANDU KERETA TINGKAT II (Jabatan Pelabohan)

**Tanggagaji :** F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas II adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

e) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang tinggal dikawasan Muara.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikerendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift).

G. JURUMESIN TINGKAT KHAS (Jabatan Pasukan Bomba)

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4 — $720-$1175 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Memiliki Sijil City and Guilds of London dalam bahagian Internal Combustion engine work dan lulus peperiksaan tersebut dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran internal combustion Engine atau Vehicle works.

ATAU

b) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 3 tahun Mekanik Tingkatan I dalam sesebuah Jabatan Kerajaan.

ATAU

c) Bekas Fitter B.S.P. yang telah berkhidmat dalam bahagian Automotive atau jentera selama tidak kurang 5 tahun.

ATAU

d) Mempunyai pengalaman selama sekurang-kurangnya 5 tahun dengan sesebuah pertubuhan yang menjalankan kerja-kerja membaiki jentera-jentera.

Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja auto electrician dan mempunyai pengalaman dalam mengguna dan membaiki pam-pam, jentera-jentera bomba yang besar selain daripada mempunyai kelayakan-kelayakan yang tersebut di (a) hingga (d) di atas.

H. PEMBANTU GUDANG (Jabatan Pelabuhan)

**Tanggagaji :** E. 2-3 EB. 4 — $470-$700 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 35 tahun.

b) Pemohin-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Tingkatan III Melayu/Inggeris atau yang sebanding dengannya dan lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan Bahasa Melayu atau Inggeris.

ATAU

c) Pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan Pelajaran yang rendah tetapi mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam kerja-kerja mengurus dan menyimpan kago dalam gudang akan juga dipertimbangkan.

d) Mempunyai lesen memandu Kelas III adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

a) Sanggup bekerja bergilir-gilir.

b) Sanggup bekerja di mana-mana daerah.

c) Mengaturkan simpanan kago dalam gudang dengan selamat dan teratur.

d) Menyediakan laporan mengenai kago-kago yang didapati rosak di dalam gudang.

e) Memandu Jentera Angkat Susun untuk menyusun kago-kago biasa dan yang memakai "pallet"

I. WIREMAN TINGKAT II (Jabatan Laut)

**Tanggagaji :** F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemoron mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman praktikal sebagai electrical wireman.

b) Pemohon-pemohon mestilah pandai membaca electrical circuit dan rajah-rajah wiring.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan baik tentang alat-alat kelengkapan yang digunakan dan cara-cara wiring electrical circuit.

J. ATENDAN PELABUHAN (Jabatan Pelabuhan)

**Tanggagaji :** F. 1-2-3-4 EB. 5 — $350-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 45 tahun dan lulus dalam darjah VI sekolah Melayu atau sebanding dengannya.

c) Pengalaman bekerja bergaji hari sebagai pembersih atau tukang kebun adalah satu keutamaan.

d) Tempat tinggal di kawasan Muara adalah diutamakan.

**Tugas-tugas :**

Pemohon-pemohon dikehendaki mengendalikan tugas-tugas Atendan Pelabuhan Muara. Tugas-tugas ini termasuk menyapu dan membuang kekotoran dan sampah sarap dari tambatan dan bangunan-bangunan pelabuhan, pemeliharaan dan membersihkan parit-parit dan saloran-saloran termasuk juga memotong dan membersihkan rumput.

K. JURUTEKNIK LAMPU (Jabatan Laut)

**Tanggagaji :** D. 2 EB. 3-4 — $515-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Sijil Pelajaran peringkat biasa lulus di dalam mata-mata pelajaran Ilmu Hisab, Fizik dan Bahasa Melayu atau Inggeris atau mempunyai kelulusan yang sebanding dengannya.

b) Pemohon-pemohon mestilah lulus Peperiksaan City dan Guilds Peringkat Intermediate bahagian Pemasangan Kuasa Letrik serta mempunyai pengetahuan terhadap unit-unit berbentuk solid.

c) Pemohon-pemohon mestilah pernah menjalani latihan perantis letrik yang diakui dan mempunyai pengalaman sebagai Pembantu Teknikal, Elektrikal atau jawatan yang sebanding dengannya.

d) Pengalaman di dalam kerja-kerja membaiki dan menyelenggara lampu-lampu pelayaran laut dan komponen-komponen elektronik merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Menyelenggara, memelihara lampu pelayaran laut yang menggunakan kuasa bateri atau letrik yang dipasang di lampu-lampu pancang laut dan menara-menara serta boya-boya lampu laut. Membuat lain-lain tugas am pemasangan-pemasangan kuasa letrik di darat dan di kapal-kapal apabila dikehendaki.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Brunei tidak lewat dari 25hb Jun. 1983.

(E/553/77) (Bilangan : 107/1983).

## Notis Tawaran J.K.R.

### BIL. 214 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk :

PROJEK : "KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BAGI MASJID BOLKIAH, DAERAH TUTONG, TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup : 20hb Jun, 1983.

**Cagaran tawaran : $200.00.**

### BIL. 215 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK : "PERMAIDANI UNTUK SURAU SEKOLAH SUFRI BOLKIAH DI TUTONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup : 20hb Jun, 1983.

Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 216 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk :

PROJEK : "MEMBAIKI GRANDSTAND BAGI PADANG K.B.R.C., KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun, 1983.

Tarikh tutup : 20hb Jun, 1983.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL. 217 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK : "CADANGAN PUSAT PERMAKANAN BAHARU DI TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Singapnre Engineering & Consultancy Service Pte Ltd., Resident Engineer's Office, Signal Station, Muara, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23hb Jun, 1983.

Tarikh tutup : 27hb Jun, 1983.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

# Undang2 Lesen Rampaian 1978: BUKAN UNTUK MENYUSAHKAN RAKYAT

Oleh: Aisah Piee

TUTONG. — Peguamcara Negara, Awang Abas bin Haji Serudin menegaskan bahawa hukuman denda sehingga lima ribu ringgit boleh dikenakan bagi seseorang yang thabit kesalahannya, melanggar mana-mana syarat dari Undang-Undang Lesen-Lesen Rampaian 1978, atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau gagal mematuhi mana-mana syarat atau sekatan yang telah dikenakan oleh atau di bawah undang-undang berkenaan.

Awang Abas berkata, Undang-Undang Lesen-Lesen Rampaian 1978 telah diluluskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei atas nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri, dan telah berjalan kuatkuasanya mulai 1hb. Januari tahun ini.

Menegaskan perkara ini dalam Perjumpaan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung seluruh negeri di Dewan Kemasyarakatan di sini pagi Khamis, 2hb. Jun lalu, Awang Abas menjelaskan yang undang-undang itu dibuat bukan untuk menyusahkan atau menggangu sumber pendapatan orang ramai di negeri ini, tetapi adalah untuk mengawal dan mengawasi beberapa tempat dan kegiatan perdagangan yang tertentu dengan cara menghendaki supaya perdagangan-perdagangan itu dilesenkan.

"Bukanlah hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menyusahkan atau menggangu sumber pendapatan orang ramai di negeri ini, tetapi apa yang dihasratkan ialah supaya kehidupan dan alam sekitar negeri ini terkawal dan bersesuaian demi kebaikan keseluruhan penduduk," jelasnya.

Bagaimanapun, cuma beberapa tempat, perdagangan atau perniagaan atau pekerjaan sahaja yang dikawal menurut undang-undang tersebut pada masa ini, iaitu kedai-kedai kopi, kedai makan, rumah penginapan atau lain-lain tempat peristirahatan dan penjamuan orang ramai; penjaja; perdagangan kereta; stesyen minyak termasuk tempat-tempat menyimpan minyak dan benda-benda yang mudah terbakar; kedai runcit; setor kayu dan membuat alat-alat perabot; dan bengkel.

Katanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat juga boleh dengan peraturan meminda jadual-jadual kepada undang-undang ini dengan misalnya, mengurangkan atau menambah jenis-jenis tempat atau perdagangan yang disebutkan, dan juga membolehkan Baginda dengan peraturan-peraturan untuk membuat syarat bagi antara lainnya syarat-syarat apa jua lesen yang diberi di bawah undang-undang ini.

Menurut Bab 3 Undang-Undang Lesen-Lesen Rampaian 1978, pembukaan atau penerusan pembukaan nama-nama tempat atau perjalanan apa jua perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang ditentukan dalam jadual adalah dilarang kecuali perkara itu dilakukan di bawah dan menurut sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang ini.

"Ini bermakna mulai 1hb. Januari, 1983 sesiapa jua yang berkenaan dalam membuat atau menjalankan mana-mana tempat, perdagangan, perniagaan atau pekerjaan adalah dikehendaki untuk memohon dan mendapatkan sesuatu lesen dari pihak yang berkuasa sebelum ianya dibolehkan untuk membuka atau terus menjalankan tempat atau perdagangan yang disebutkan," jelas Awang Abas.

Bagaimanapun, Peguamcara Negara itu menjelaskan, oleh kerana undang-undang ini adalah satu peruntukan yang baru, adalah diperuntukkan oleh Bab 10 untuk sesiapa yang membuka atau menjalankan apa jua perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang ditentukan dalam jadual, berhak untuk meneruskan pembukaan atau perjalanan aktiviti-aktiviti tersebut tanpa sesuatu lesen bagi satu tempoh selama satu tahun mulai 1hb. Januari, 1983, atau jika sebelum berakhirnya tempoh 12 bulan dari 1hb. Januari, 1983 seseorang itu telah membuat satu permohonan bagi mendapatkan lesen tempoh 12 bulan ini adalah dilanjutkan sehingga permohonannya itu dibenarkan atau ditolak.

Undang-Undang Lesen-Lesen Rampaian 1978 juga menghendaki seseorang untuk mendaftarkan nama perniagaan dengan Pendaftar Nama-Nama Perniagaan di Pejabat Peguam Negara, memohon mendapatkan lesen daripada pihak Berkuasa Melesen jika perniagaan itu termasuk dalam jenis perniagaan yang disebutkan dalam jadual undang-undang ini, atau jika ia melibatkan pengunaan tanah, maka syarat khas tanah atau undang-undang kawalan Perancang Bandar dan Desa adalah masih dikehendaki.

Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian juga telah dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat yang mana telah berjalan kuatkuasanya mulai 1hb. Januari tahun ini.

Menurut Peguamcara Negara itu, peraturan-peraturan tersebut mempunyai syarat-syarat bagi permohonan mendapatkan lesen, bentuk barang, syarat-syarat lesen, bayaran lesen dan tempoh lesen tersebut, syarat bagi menjaga tempat kebersihan bagi tempat berlesen, kebersihan dan penjagaan bangunan berlesen, darjat-darjat kebersihan khasnya dalam pertubuhan makanan dan syarat terhadap pengawalan penjaja dan pihak Berkuasa Melesen.

Menurut jadual pertama peraturan itu, beberapa Pihak Berkuasa Melesen telah dilantik bagi kawasan melesen yang tertentu dan bagi perkara-perkara dalam jadual di bawah mana Pihak Berkuasa Melesen tertentu itu berkuasa.

Katanya, pihak-pihak yang berkuasa yang telah dilantik itu ialah Lembaga Bandaran, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan Lembaga Melesen Daerah bagi keempat-empat daerah di negeri ini.

Pihak Lembaga Melesen Bandaran mempunyai kuasa dalam kawasan Lembaga Bandaran terhadap perlesenan dalam kedai runcit, setor-setor kayu dan kilang-kilang perabot dan bengkel, manakala Pihak Berkuasa Melesen Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei mempunyai kuasa dalam kawasan di dalam negeri terhadap pedagang kereta, steysen minyak termasuk tempat-tempat menyimpan minyak dan benda-benda yang mudah terbakar.

Sementara, katanya, Pihak Berkuasa Melesen Daerah mempunyai kuasa dalam semua kawasan di dalam negeri di luar kawasan-kawasan Lembaga Bandaran terhadap kedai-kedai kopi, kedai-kedai makan, rumah-rumah penginapan, rumah tumpangan atau tempat kunjungan atau hiburan orang ramai, penjaja, kedai runcit, setor-setor kayu dan kilang-kilang perabut serta bengkel.

Peraturan-peraturan Lesen Rampaian juga memperuntukan bagi bayaran-bayaran lesen tahunan bagi kedai kopi, kedai makan, rumah penginapan, rumah tumpangan, tempat kunjungan dan hiburan orang ramai, penjaja, perdagangan kereta, steysen minyak, termasuk sesuatu tempat menyimpan minyak dan benda-benda yang mudah terbakar, kedai runcit, setor dan/atau kilang perabot dan bengkel.

## Melihat anak bulan Ramadan

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai-pegawai Jabatan Ukor akan pergi ke beberapa tempat di negeri ini pada hari Sabtu 11hb Jun, 1983 untuk melihat anak bulan Ramadan bagi menentukan jatuhnya permulaan Puasa bagi Tahun Hijrah 1403.**

**Jika anak bulan Ramadan dapat dilihat pada petang itu, umat Islam di negeri ini akan mula berpuasa pada hari Ahad 12hb Jun, dan jika tidak kelihatan, puasa akan bermula pada hari Isnin 13hb Jun, 1983.**

### WAKTU BEKERJA

**Sementara itu Kerajaan memaklumkan bahawa waktu bekerja di jabatan-jabatan Kerajaan di sepanjang bulan Ramadan ialah dari 7.30 pagi hingga jam 2.00 petang.**

**Bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa. Penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara Ketua-Ketua Jabatan masing-masing.**

**Adalah diingatkan bahawa waktu bekerja bagi sepanjang bulan Ramadan ini adalah ditujukan kepada semua kakitangan Kerajaan dan kerana itu mereka hendaklah mematuhi waktu-waktu bekerja yang ada itu.**



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz.

## Pembukaan rasmi ... Ibu Bapa seluruh ...

Dari muka 1

memerlukan tenaga pengajar yang penuh dedikasi, bersemangat dan bertanggungjawab bagi mencapai cita-cita merdeka itu.

Ibu bapa mestilah menyedari bahawa semakin tinggi dan sempurna tahap pelajaran sesebuah negara itu, semakin tinggi dan

## Mengisi kemerdekaan lebih hebat dan mencabar

TEMBURONG. — Perjuangan mengisi kemerdekaan lebih hebat dan mencabar daripada setakat mencapainya kerana kita mengetahui ada negara-negara yang telah merdeka tapi masih lagi terus berjuang untuk mengisi kemerdekaan itu.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin menegaskan perjuangan mengisi kemerdekaan bukan hanya setakat bebanan tugas dan tanggungjawab bertambah tetapi terdapat berbagai-bagai faktor dan aspek yang akan menentukan sejauh mana keutuhan dan kekuatan bangsa kita yang akan muncul di arena antarabangsa.

Katanya, "Selepas merdeka nanti kita akan mengambil alih tanggungjawab sepenuhnya hal-ehwal antarabangsa di mana pengaruh-pengaruh luar negeri sudah barang tentu tidak dapat dielakkan."

Berucap kepada guru-guru dan penuntut dari Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar dalam majlis ramah-mesra dan soal-jawab, anjuran Bahagian Penerangan bertempat di Pejabat Penerangan Cawangan Temburong pada Isnin lepas, Awang Haji Badaruddin selanjutnya berkata, "Sebagai sebuah negara Melayu Islam kita akan menghadapi cabaran-cabaran yang paling hebat dengan adanya kekuatan keagamaan yang merupakan suatu tunjang yang paling kuat dalam mempertahankan kedaulatan Brunei dan nasib bangsanya.

Perjuangan membangun bangsa, menengakkan negara, memelihara keselamatan dan menjamin kehormatan bangsa ialah perjuangan terus-menerus yang telah kita lakukan selama ini dalam bentuk dan cara yang sesuai kepada keperluan-keperluan masa hadapan," ujarnya.

Berhubung dengan perayaan-perayaan menyambut kemerdekaan, Awang Haji Badaruddin menyatakan di samping merayakannya kita mestilah memberi isi dan makna kepada kemerdekaan itu.

Benarpun kemerdekaan itu suatu sejarah penting yang akan kita capai di segi perkembangan bangsa dan negara tetapi bukanlah bererti kemerdekaan itu setakat kepuasaan merayakannya dalam masa-masa yang tertentu," tambahnya.

Jadi perhatian kita katanya mestilah ditumpukan kepada usaha-usaha pada mengisi dan memberi makna kemerdekaan itu.

## Zakat fitrah

Dari muka 1

raya hingga Imam mendirikan sembahyang hari raya.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat adalah harus zakat fitrah itu dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal Ramadan.

Sementara itu Majlis Ugama Islam Negeri Brunei dengan perkenan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah melantik seramai 157 orang Amil di seluruh negeri untuk ditugaskan mengutip bayaran zakat fitrah bagi tahun ini. Nama-nama Amil dan tempat-temapt membayar zakat fitrah disiarkan di muka 6, 7, dan 8.



Pengarah Penerangan, Awg Haji Badaruddin ketika menyampaikan taklimat kepada guru-guru dan penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar.